



قليت بروني Pelita Brunei

DITERBITKAN PADA TIAP-TIAP HARI RABU

TAHUN 28 BILANGAN 24

RABU 15HB JUN, 1983.

1403 رابو 4 رمضان

PERCUMA

KERAJAAN JAYA UBAH KEADAAN 'BRUNEI KAJANG''

Oleh:

Muhaimin Hj Muhammad

SERI BEGAWAN. Pengarah Penerangan, Dato Haji Badaruddin bin Haji Othman, Kerajaan yang tidak memerusi peti undi, Kerajaan yang membangunkan dan mengubah keadaan kepada apa yang Brunei kajang' Brunei batu-bata'.

mat kepada kita tetapi pengalaman kita menunjukkan bahawa kita mempunyai sebuah Kerajaan yang mendapat sokongan menyeluruh daripada rakyat dan penduduk yang mana dengan itu menyebabkan berkesan dalam fungsinya dan menampakkan objektifnya.

Pengarah Penerangan terdahulu dari itu menjelaskan bahawa perkara yang mesti diakui ialah pencapaian kemajuan itu adalah berkat keamanan dan ketenteraman yang wujud di dalam negeri yang merupakan usaha sama antara Kerajaan dan rakyat serta penduduk, di mana kita saling berusaha mengekalkan persafahaman serta mengelakkan sebarang perkara yang boleh mempersulitkan keadaan dalam negeri.

Dalam pada itu, tambah Awang Haji Badaruddin, rakyat hendaklah meningkatkan usaha dan terus bekerja keras bagi kemajuan yang berterusan dan peningkatan taraf hidup, di mana semangat ke arah itu perlu mendapat kekuatan dari keyakinan bahawa masing-masing kita mempunyai peranan dan tanggungjawab ke atas negeri ini.

Sehubungan dengan ini, Pengarah Penerangan itu menjelaskan, "Kerajaan bukanlah berfungsi setakat merancang dan melaksanakan berbagai-bagai kemajuan tanpa diikuti oleh rakyat dengan bersemangat mahu mencapai kemajuan bagi dirinya dan bagi negara."

Awang Haji Badaruddin selanjutnya menjelaskan bahawa yang demikian peranan kita menjelang kemerdekaan ialah



Timbalan Sultan berangkat ke Istiadat Perbarisan Keputeraan D.Y.M.M. Queen

Liputan: Aisah dan Abd. Karim.

GADONG. — Timbalan Sultan, Y.T.M. Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkih telah berangkat ke Istiadat Perbarisan Hari Keputeraan D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Queen Elizabeth II yang berlangsung di Stadium Hassanal Bolkih pagi Sabtu, 11hb. Jun lalu.

Berangkat sama ke upacara itu ialah Y.T.M. Paduka Seri Duli Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkih.

Upacara pagi itu dimulakan dengan acara memeriksa perbarisan oleh Tuan Yang Terutama

Pemangku Pesuruhjaya Tinggi British, Awang Malcomson yang terdiri dari Pasukan Keenam Queen Elizabeth's Own Gurkha Rifles, Batalion Pertama Pasukan Askar Melayu Diraja Brunei dan Pasukan Polis Diraja Brunei, di bawah pemerintah perbarisan, Major G.L. Davis 6GR.

Juga mengambil bahagian ialah jabatan-jabatan Kerajaan Beruniform yang terdiri dari Pasukan Jabatan Laut, Kastam dan Eksais Diraja, Bomba, dan Imigresen serta pasukan Pertubuhan Awam yang terdiri dari Pasukan Kadet AMDB, Pasukan

Kadet, Pertubuhan Palang Merah dan Pasukan PDB Boy's Brigade.

Ini kemudiannya diikuti dengan menaikkan bendera peribadi D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Queen, tanda keberangkatan Baginda di upacara itu, dan bacaan perutusan Baginda Queen kepada Komanweal oleh T.Y.T. Pemangku Pesuruhjaya Tinggi British.

Sebanyak 21 das tembakan meriam telah dilepaskan oleh Pasukan Tembakan Meriam Polis Diraja Brunei, serta tembakan tanda gembira oleh perbarisan dan terbang lalu oleh 11 buah pesawat

helikopter Cawangan Udara AMDB. Tiga kali sorak telah diberikan oleh peserta-peserta perbarisan untuk D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Queen Elizabeth II.

Upacara pagi itu telah akhiri dengan kawad lintas oleh pasukan-pasukan yang mengambil bahagian.

Turut hadir di upacara tersebut ialah Pemangku Menteri Besar, Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz dan Pemangku Setiausaha Kerajaan, Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Awang Abdul Rahman, Y.A.M. Pengiran-pengiran Cetera dan Pegawai-pegawai Kanan Kerajaan.

Timbalan Sultan menerima mengadap

TIMBALAN Sultan Y.T.M. Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkih telah berkenan menerima mengadap Ketua Menteri bagi Kawasan Utara Australia, Awang Paulaveringham yang telah mengadakan lawatan singkat ke sini pada hari Khamis 9hb. Jun lepas.

Ketibaan Awang Paulaveringham pagi itu di lapangan terbang antarabangsa Berakas telah dialu-alukan oleh Pemangku Ketua Perkhidmatan Diplomatik Brunei, Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Ahmad bin Haji Jumat, Pesuruhjaya Australia ke Brunei, Awang Monfries dan lain-lain pegawai Kanan Diplomatik.

Terdahulu setelah ketibaannya, Awang Paulaveringham telah mengadakan perjumpaan dengan Y.A.B. Pemangku Menteri Besar, di Bangunan Pejabat Setiausaha Kerajaan.

Kelihatan dalam gambar Awang Monfries (tengah) ketika memperkenalkan Awang Paulaveringham (kiri) kepada Y.T.M. Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkih (kanan).

Berangkat sama dalam mengadap itu ialah Y.T.M. Paduka Seri Duli Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkih serta dihadiri juga oleh Y.A.M. Pengiran Laila Kanun Diraja Pengiran Bahrin bin Pengiran Haji Abas, Peguam Negara Brunei.

ANISNYA IMAN

ini ialah berakad dengan hati berikrar dengan lisan dan dengan rukun-
— HADIS Nabi
Majah
Syidina 'Ali
Tah

(Lihat muka 24)



15HB JUN, 1983.

*Dengan nama Allah yang
pemurah dan maha penyayang*

Kerajaan dan rakyat :

BERSAMA MENCAPAI KEMAJUAN

Tidak syak lagi bahawa kita sedang menikmati taraf hidup yang baik hasil dari kemajuan sosioekonomi yang memberi faedah yang menyeluruh. Perubahan hidup satu-satu keluarga kepada keadaan yang lebih baik dan selesa menerusi kemajuan ekonomi dan sosial yang dicapai oleh individu-individu di dalamnya adalah membuktikan betapa peluang untuk meningkat ke taraf hidup yang baik itu sen-

tiasa terbuka kepada semua lapisan masyarakat.

Dalam meneliti hal ini kita akan menemukan kenyataan bahawa pencapaian dalam kemajuan sosioekonomi itu adalah dimungkinkan oleh keamanan dan ketenteraman dalam negeri yang berterusan. Dalam tempoh lebih sedikit dari suku abad negeri kita telah menyaksikan kemajuan pesat yang memberi faedah kepada seluruh rakyat dan penduduk. Dalam tempoh tersebut itulah juga kita sentiasa memilih jalan dan cara yang sederhana lagi munasabah dalam mengatasi berbagai kesulitan. Sikap dan pemikiran orang-orang kita pada keseluruhannya adalah bertepatan dengan usaha-usaha Kerajaan pada mengekalkan keamanan dan mewujudkan suasana harmoni.

Kerana itu, penelitian ke atas kemajuan yang dicapai serta taraf hidup yang dinikmati tidak akan lengkap tanpa meneliti suasana yang mempengaruhinya. Dan suasana tersebut ialah di mana Kerajaan dan rakyat sentiasa mengekalkan persefahaman serta mengelakkan sebarang perkara yang boleh mempersulitkan keadaan dalam negeri. Sesungguhnya, itulah caranya kita mencapai kemajuan yang mana di dalam suasana keamanan yang berterusan itu Kerajaan dapat menum-

pukan sepenuh perhatian pada merancang dan melaksanakan berbagai-bagai projek perkembangan ekonomi dan sosial; dan dalam masa yang sama rakyat pula mempunyai peluang yang baik untuk dilibatkan dalam proses perkembangan itu.

Cara yang sedemikian itu ternyata berkesan. Persefahaman antara Kerajaan dan rakyat seperti yang kita alami itu pada pertimbangan setengah-setengah orang adalah tidak mungkin diwujudkan melainkan oleh pimpinan kerajaan yang dipilih menerusi pilihan raya dan oleh kemahuan rakyat yang memilih wakil-wakilnya. Di sinilah unikunya pengalaman kita berbanding dengan pengalaman orang lain. Kerana itu, dalam kita tidak menafikan kebaikan pengalaman orang lain bagi diri mereka, kita perlu pula menghargakan pengalaman kita sendiri itu sebagai suatu yang wajar diteliti dan diambil kira. Tegasnya, kita tidak mengalami pemerintahan oleh kerajaan yang dipilih tapi kita mendapati sebuah Kerajaan yang mendapat sokongan rakyat secara menyeluruh yang mana dengan itu menyebabkannya berkesan dalam fungsinya dan jelas menampak objektifnya. Hal ini dapat menjelaskan betapa sebenarnya sesebuah kerajaan yang baik bukanlah semata-mata kerajaan yang dipilih menerusi peti undi

bahkan unsur yang ada adanya kepemimpinan yang sentiasa mengutamakan kepentingan sebenar rakyat. Sesungguhnya pengalaman kita sedemikian itulah yang membangunkan Brunei — dan daannya apa yang 'Brunei Kajang' kepada 'Brunei Bata' sekarang ini.

Dalam pada itu ditegaskan bahawa mempengaruhi pencapaian tersebut ialah suasana jaan dan rakyat saling dalam mengekalkan persefahaman mengelakkan sebarang boleh mempersulitkan kita semua hendak sama lain sebagai yang masing-masing memberi sumbangan yang berterusan di Dengan menerima kita semua berperanan gungjawab ke atas tuk kemajuan yang hadapan itu kita bahawa setentunya mempergunakan gungjawab kita itu baikny.

Undang2 Lesen Rampaian 1978:

SEPERTI yang mungkin diketahui bersama, satu undang-undang yang dinamakan undang-undang lesen-lesen rampaian 1978 telah diluluskan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Dipertuan atas nasihat dan persetujuan Majlis Mesyuarat Negeri. Dengan titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia undang-undang tersebut telah berjalan kuatkuasanya mulai 1 haribulan Januari 1983.

Undang-undang ini dibuat adalah bagi mengawal dan mengawasi beberapa tempat dan kegiatan perdagangan yang tertentu dengan cara menghendaki supaya perdagangan-perdagangan tersebut dilesenkan. Bukanlah hasrat Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia untuk menyusahkan atau mengganggu sumber pendapatan orang ramai di negeri ini, tetapi apa yang dihasratkan ialah supaya kehidupan dan alam sekitar negeri ini terkawal dan bersesuaian demi kebaikan keseluruhan penduduk kerana seperti yang kita ketahui bersama kita boleh melihat beberapa perniagaan yang tumbuh di merata-rata dalam negeri ini yang mana walaupun perniagaan tersebut boleh dikatakan sebagai berfaedah kepada orang ramai seperti menjual sayur-sayuran dan sebagainya, akan tetapi jika keadaan-keadaan sebegini tidak dikawal dan dibiarkan berkembang begitu sahaja maka ianya mungkin mendatangkan kemudaratan kepada orang ramai dan memburukkan alam sekitar negeri ini.

Dengan adanya kawalan-kawalan yang diperuntukkan oleh undang-undang 1978 ini, maka beberapa syarat boleh dikenakan terhadap perniagaan-perniagaan yang

berkenaan demi untuk menjaga kepentingan dan kebaikan orang ramai serta alam sekitar.

Pada masa ini cuma beberapa tempat, perdagangan atau perniagaan atau pekerjaan sahaja yang dikawal menurut undang-undang yang disebutkan. Tempat-tempat tersebut ialah:

- (a) Kedai-kedai kopi, kedai-kedai makan, rumah-rumah penginapan, rumah-rumah tumpangan atau tempat-tempat lain untuk peristirahatan dan perjumpaan orang ramai;
- (b) Penjaja-penjaja;
- (c) Perdagangan Kereta;
- (d) Stesen minyak termasuk tempat-tempat menyimpan minyak dan benda-benda yang mudah terbakar;
- (e) Kedai runcit;
- (f) Stor kayu dan membuat alat-alat perabot; dan
- (g) Bengkel.

Walau bagaimanapun, Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam Majlis Mesyuarat boleh dengan peraturan meminda jadual-jadual kepada undang-undang ini dengan misalnya mengurangkan atau menambah jenis-jenis tempat atau perdagangan yang disebutkan.

Undang-undang ini membolehkan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam Majlis Mesyuarat dengan peraturan-peraturan untuk membuat syarat bagi antara lainnya, syarat-syarat apa jua lesen yang diberi di bawah undang-undang ini; pihak berkuasa yang boleh mengeluarkan lesen tersebut serta bayaran-bayaran dan tempoh bagi yang mana lesen sedemikian akan dikeluarkan; langkah-langkah pencegahan yang akan diambil terhadap kebajikan di dalam mana-mana tempat yang dileseni di bawah undang-undang ini; menjaga ketenteraman dan keamanan dan cara-cara menentukan keadaan-keadaan sedemikian di dalam mana-mana tempat yang dilesenkan di bawah undang-undang ini; dan pada amnya menjalankan kuatkuasa syarat-syarat undang-undang ini.

Menurut Bab 3, pembukaan atau penerusan pembukaan mana-mana tempat atau perjalanan apa jua perdagangan, perniagaan atau pekerjaan yang ditentukan dalam jadual adalah dilarang kecuali perkara itu dilakukan di bawah dan menurut sesuatu lesen yang dikeluarkan di bawah undang-undang ini. Ini bermakna mulai 1 haribulan Januari 1983 sesiapa jua yang berkenaan dalam membuat atau menjalankan mana-

mana tempat, perdagangan, perniagaan atau pekerjaan adalah dikehendaki untuk memohon dan mendapatkan sesuatu lesen dari pihak yang berkuasa sebelum ianya dibolehkan untuk membuka atau terus menjalankan tempat atau perdagangan yang disebutkan.

Adalah terpulang kepada pihak berkuasa melesen untuk memberikan atau tidak apa jua lesen di bawah undang-undang ini dan pihak berkuasa melesen boleh membatalkan sesuatu lesen jika terbukti hingga memuaskan hati pihak berkuasa melesen tersebut adanya sesuatu kesalahan terhadap undang-undang ini atau kelakuan salah (misconduct) yang lain oleh orang itu. Walau bagaimanapun, seseorang yang tidak berpuas hati dengan keputusan pihak berkuasa melesen boleh membuat rayuan kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar.

Adalah menjadi kesalahan di bawah Bab 6 dari undang-undang ini bagi seseorang yang melanggar mana-mana syarat dari undang-undang ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya atau gagal mematuhi mana-mana syarat atau sekatan yang telah dikenakan oleh atau di bawah undang-undang ini. Bab 7 pula memperuntukkan mengenai hukuman yang

boleh dikenakan terhadap sesiapa yang melakukan atau cuba melakukan kesalahan tersebut yang mana jika thabit kesalahan seseorang itu boleh dikenakan hukuman denda sehingga \$5,000.

Sementara itu pula undang-undang ini adalah sebagai tambahan kepada dan bukan melemahkan syarat dari mana-mana undang-undang bertulis yang lain berhubung dengan atau berkenaan dengan apa jua tempat, perdagangan, perniagaan atau pekerjaan berhubung dengan mana undang-undang ini dikenakan. Ini bererti bahawa walaupun terdapat undang-undang ini, namun demikian peruntukan-peruntukan undang-undang yang lain adalah masih berjalannya dan berkenaan. Dengan itu misalnya, seseorang yang menggunakan sesuatu nama perniagaan misalnya namanya ialah A bin B dan dia mahu menjalankan satu perniagaan atas nama A and Company, maka dia adalah dikehendaki untuk mendaftarkan nama perniagaan tersebut dengan pendaftar nama-nama perniagaan di pejabat Peguam Negara. Walau bagaimanapun, kewajipan orang ini masih belum berakhir lagi kerana cuma dengan mendapat lesen nama perniagaan dari pejabat peguam negara sahaja tidak bererti yang A bin B ini tadi adalah

BERTI
cerana
Undang
Lesen
yang
Awang
Serudin
Negeri
perjuma
Penglu
dan
pung
yang
pada
baru
Kem
Toto

Ma
un

Aw
B

boleh
niagaan
jensi per
dijalan
maks
niagaan
dalam
undang
dikeh
memah
dapat
Pihak
bahwa
Bukan
niagaan
misal
maka
adalah
berken
misal
undang
Per
Oleh
undang

Sekitar Perbarisan Hari Jadi Queen ke-57




Pengiran Perdana Wazir Sahibul Him-
moda Mohamed Bolkiah selaku Tim-
balik hormat Diraja ketika berangkat ke
Baginda Queen ke-57 Sabtu lalu.



BARISAN Keselamatan Baginda Queen On's Gurkha Rifles ketika memberi penghormatan berjalan lalu di hadapan pentas Diraja
dalam perbarisan itu.



Pemangku Pesuruhjaya Tinggi British di Brunei ketika
yang terdiri dari pasukan-pasukan



PEMANGKU Pesuruhjaya Tinggi British di Brunei membalas hormat kepada ketua perbarisan untuk memeriksa perbarisan yang ter-
diri dari anggota-anggota Pasukan Askar Melayu Diraja Brunei.



...melakukan melepaskan tembakan senapang tanda gembira yang berselang dengan tembakan meriam dan diikuti dengan terbang lalu beberapa buah pesawat helikopter AMDB.

SUKAN PELITA

Kelolaan:
Manaf Rahman

Sukan SEA ke-13: BRUNEI ATUR PERSEDIAAN YANG CUKUP

MENJELANG tempoh untuk membuktikan ketokohan dan kemampuannya sebagai tuan rumah sukan antarabangsa Negara Brunei Darussalam kini sedang mengatur langkah ke arah persediaan yang cukup dan rapi sebelum menjelang 1985 untuk mengendalikannya Sukan Asia Tenggara ke-13.

Langkah-langkah awal seperti penyediaan tempat penginapan atau kampung sukan, pemilihan-pemilihan atlet-atlet negara serta acara-acara yang akan dipertandingkan dan sebagainya sedang dalam proses.

Memang banyak lagi aspek yang perlu dipelajari bagi mengendalikan sukan yang besar yang menjadi kemegahan negara-negara Asia Tenggara seperti bidang teknikal sewaktu pertandingan, pengangkutan serta publisiti.

Ke arah itu dalam kejohanan Sukan SEA yang baru lalu, di Singapura, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah menghantar rombongan pemerhati bagi mempelajari semua selok-belok dan aspek pengurusan.

Sebelum kejohanan yang besar itu, Brunei dijangka akan menganjurkan satu kejohanan sukan yang bertaraf antarabangsa, 'Pesta Sukan Kemerdekaan' yang berkemungkinan berlangsung pada tahun depan.

Sukan ini dijangka sebagai panduan dan 'kayu pengukur' untuk melihat sejauh mana kemampuan Brunei setelah dimaklumi belum mempunyai pengalaman dalam menganjurkan sukan antarabangsa setakat ini.

Tetapi pengalaman itu akan ditimba secara beransur-ansur dan segala kelemahan dari sukan tersebut akan menjadi bekal untuk mengukuhkan Sukan SEA agar segala kelemahan dan kekurangan tidak-lah begitu besar.

Sukan tersebut mungkin tidak banyak bezanya dari Sukan SEA jika penyertaan negara-negara ASEAN diluluskan seperti Malaysia, Indonesia, Filipina, Singapura dan Thailand memandangkan negara-negara inilah juga yang menganggotai Majlis Sukan Persekutuan Sukan SEA.

Soal ramai peserta iaitu penghantaran kontinjen setiap negara juga mungkin mirip banyaknya dalam Sukan SEA nanti tapi ianya akan bergantung kepada

acara yang akan dipertandingkan.

Jika sukan-sukan utama dipertandingkan umpamanya bolasepak, hoki, sepak takraw, bola keranjang, bolatampar, maka sukan itu nanti mungkin berkesan untuk memperoleh segala pengalaman dalam semua aspek pengurusan dari segi keramaian peserta.

Sukan SEA ke-12 di Singapura itu adalah menjadi panduan yang penting dipelajari dan Stadium Negara republik itu yang mana di sana berlangsung hampir semua acara-acara sukan akan menjadi titik tolak para pegawai yang terlibat untuk mempraktikkannya di Stadium Kebangsaan Brunei yang memang mirip dari segi strukturnya dengan stadium tersebut.



AWANG Abd. Razak bin Mohammad memotong pita sebagai tanda perasmian sukan PTE kali pertama.



Lumba perahu naga. Bank Brunei beri bantuan

SOKONGAN yang diberikan dalam memperkembangkan dan meningkatkan mutu sukan di negeri ini bukan hanya melibatkan pihak-pihak tertentu saja malah juga dikelilingi oleh badan-badan firma dan swasta.

Salah sebuah darinya yang tidak terkendur memberikan sokongan dari semasa ke semasa ialah Bank National Brunei, Berhad.

Sekali lagi bank tersebut telah memberikan bantuan kepada pasukan lumba perahu naga Brunei yang telah mengam-

bil bahagian di kejohanan memberikan tiket penerbangan serta 'T-shirt' kepada pelawannya.

Penyerahan tersebut telah dilakukan oleh Jabatan Kebajikan Belia dan majlis taklimat bagi pelawannya Y.B. Pehin Jawatan Luar Dato Seri Paduka Awang Haji hari Rabu, minggu lepas.

Tiket dan baju serta peralatan lumba telah disalurkan oleh Pengarah Kebajikan Belia (dalam gambar).

Sukan tahunan PTE yang pertama

PUSAT Tingkatan Enam buat julung-julung kalinya telah mengadakan sukan tahunannya pada 7hb. Jun bertempat di Stadium Hassanal Bolkiah, Gadong.

Awang Abd. Razak bin Hj Mohammad, Pegawai Penadbir di Jabatan Setiausaha Kerajaan telah membuka rasmi sukan tersebut yang telah diambil bahagian oleh kira-kira 140 penuntut PTE.

Sebanyak 25 acara padang dan trek telah dipertandingkan termasuk 4x100 meter jemputan sekolah-sekolah seluruh negeri lelaki dan perempuan dan acara 8x50 meter antara rumah bagi kakitangan pusat tersebut.

Isteri Y.B. Pemangku Setiausaha Kerajaan, Datin Edah Hj. Md. Noor telah berkesudian menyampaikan

hadiah kepada pemenang.

Selain itu, Datin Edah telah menyampaikan hadiah kepada kakitangan pusat tersebut. Datin Edah telah menyampaikan hadiah kepada kakitangan pusat tersebut.

Brunei pungut lima pingat gangsa di Sukan SEA



Timbang Ahmad

ACARA tinju berjaya membasahi kekecewaan pingat bagi Brunei dalam Sukan SEA di Singapura yang baru lalu dengan memungut lima pingat gangsa dalam acara itu.

Terdahulu sebelum itu bolasepak juga diharapkan akan memungut pingat untuk negara setelah menunjukkan kemampuan di luar dugaan dari kelakonan para pemain yang cemerlang.


Hanya selangkah bagi memasuki peringkat akhir untuk mengutip emas atau

perak. Brunei bertemu Singapura untuk mengadu nasib di peringkat separuh akhir tapi kecundang dan gagal lagi untuk meraih tempat ketiga bagi pingat gangsa dengan dikecewakan oleh Malaysia.

Tetapi kekecewaan itu berjaya juga ditebus oleh peninju-peninju Brunei. Antara peninju yang berjaya mengibarkan bendera Brunei ialah Timbang Ahmad, Yusof Ismail dan Ismail Ali yang merupakan peninju veteran dan dua lagi peninju lain.



Ismail Ali



Yusof Ismail

Terdahulu sebelum itu bolasepak juga diharapkan akan memungut pingat untuk negara setelah menunjukkan kemampuan di luar dugaan dari kelakonan para pemain yang cemerlang.

Hanya selangkah bagi memasuki peringkat akhir untuk mengutip emas atau perak. Brunei bertemu Singapura untuk mengadu nasib di peringkat separuh akhir tapi kecundang dan gagal lagi untuk meraih tempat ketiga bagi pingat gangsa dengan dikecewakan oleh Malaysia.

Ramadan datang lagi:

BERUNTUNG BESAR BAGI YANG BERAMAL

KERUNGSINGAN TETAP DATANG

Mond. Nur Lubis
bin Abd. Razak

*Bingkisan
minggu
ini*

daripada Allah Taala dan
sudahpun ditakdirkan-
Nya.

Walau apa jua usaha
dan cara untuk menghin-
darkan diri dari peristiwa-
peristiwa itu dan dari
akibat-akibatnya, namun
ia tetap juga akan datang
menimpa, dan cara seba-
hagian manusia untuk
mengatasi akibat-
akibatnya itu dengan cara
yang salah, seperti yang
disebutkan di atas, sekali-
kali tidak akan berjaya dan
mereka tidak akan dapat
merasai hakikat keten-
teraman hati dan kerungs-
ingannya tidak akan
hilang, bahkan akan ber-
tambah lagi.

Di dalam masalah
ketenteraman dan kerungs-
ingan hati ini, orang-
orang mukmin mem-
punyai kelebihan dan
peduman iaitu dengan
adanya iman di dada dan
keyakinan terhadap semua
takdir dan peristiwa yang
menimpa dirinya yang
hanya datang daripada
Allah Taala, dia akan
menghadapinya dengan
hati yang tenang, dan
akan selalu mengingat
akan kebesaran dan
keagungan Allah Taala.

Firman Allah Taala
yang maksudnya:

"Orang-orang yang
beriman itu senantiasa
tenang dan tenteram
hatinya dengan meng-
ingat Allah Taala,
ketahuilah sesungguhnya
dengan mengingat Allah
Taala itu akan men-
jadikan hati tenang dan
tenteram." (Surah
Ar-Ra'du Ayat 28).

Kalau kita merasai
kerungsingan atau ke-
susahan, ingatlah kepada
takdir dan keagungan
Allah, nescaya
ketenteraman hati akan
dapat dinikmati.

MARILAH kita sama-sama bertakwa ke hadrat Allah
Taala dengan mengerjakan segala apa jua suruhan-Nya
dan menjauhi segala apa jua larangan-Nya.

Ramadan telah datang lagi. Dan beruntunlah
orang-orang Islam yang mendapatinya. Bukan untung
sedikit-sedikit, tetapi untung besar. Untung yang tidak
dapat dicari di mana-mana jua. Cuba kita perhatikan
maksud sebuah riwayat hadis ini, lebih kurang ertinya:

Apabila telah nampak tanggal pertama bulan
Ramadan (nampak anak bulan Ramadan) maka
berteriaklah 'Arasy, Kursi, para malaikat dan lain-
lain dengan kata-kata: Untunlah umat Nabi
Muhammad s.a.w., sebab mereka mendapat penghorm-
matan di sisi Allah Taala. Mereka telah diminta am-
pun oleh matahari, bulan, bintang-bintang, burung-
burung di udara, ikan-ikan di laut, dan bahkan oleh
sekalian yang berjiwa dipermukaan bumi ini, pada
malam mahupun siang hari, kecuali syaitan-syaitan
yang terkutuk. Dan pada pagi hari, tidak seorang
pun dari mereka yang tidak diampunkan, dan Allah
Taala berfirman kepada Malaikat: Serahkanlah
pahala selawat dan tasbihi kamu sekalian kepada
umat Nabi Muhammad s.a.w. dalam bulan Ramadan
ini.

TERBANGUN DARI TIDUR


Di dalam sebuah hadis lain daripada sahabat Umar
Ibni Al-Khatab r.a. Nabi pernah bersabda yang kira-
kira maksudnya:

"Apabila seorang kamu terbangun daripada tidur-
nya di bulan Ramadan, dan bergerak ia di tempat
tidurnya itu ke kiri dan ke kanan, maka berkatalah
malaikat kepadanya: Bangunlah: Semoga Allah
memerhatikan dan mengasihinya engkau. Apabila dia
berdiri dengan niat hendak mengerjakan sem-
bahyang, maka berkatalah tempat tidurnya men-
doakannya. Ya Allah, Ya Tuhan! Berikanlah
kepadanya tempat tidur yang tinggi yang istimewa.
Apabila dia memakai pakaian, maka berkatalah
pakaian mendoakannya: Ya Allah, Ya Tuhan!
Berilah kepadanya pakaian dan perhiasan dari
syurga. Apabila dia memakai kasut, maka berkatalah
kasut-kasut mendoakannya: Ya Allah, Ya Tuhan!
Tetapkanlah kedua kakinya di atas As-Sirat. Apabila
dia memegang gayung, maka berkatalah gayung
mendoakannya: Ya Allah Ya Tuhan! Berilah dia
gelas-gelas dari syurga. Apabila dia mengambil
wuduk, maka berkatalah air mendoakannya: Ya
Allah, Ya Tuhan! Sucikanlah dia dari segala
dosanya. Apabila dia mengerjakan sembahyang,
maka berkatalah rumah tempatnya berdiri men-
doakannya: Ya Allah, Ya Tuhan! Luaskanlah
kuburnya, terangilah liang lahatnya. Dan tam-
bahkan rahmat-Mu ke atasnya.

GEMBIRA SAMBUT RAMADAN

Demikian wahai kaum Muslimin, dua buah hadis
kita petik bagi menerangkan tentang kebesaran bulan

KHUTBAH JUMAAT



Ramadan. Setiap orang Islam patutlah bergembira
menyambut bulan Ramadan yang mulia ini.
Barangsiapa yang gembira dengan kedatangan bulan
Ramadan, adalah itu alamat baik baginya. Kerana
Rasulullah ada bersabda, ertinya:

"Barangsiapa yang gembira dengan kedatangan
bulan Ramadan, maka Allah haramkan jasad orang
itu dari api neraka."

Setengah orang ada yang susah hati bila datang
bulan Ramadan, kerana tidak dapat makan minum
dengan bebasnya, tidak dapat menjamu selera pada
siang hari. Jika ada perasaan yang demikian ini, hen-
daklah lekas-lekas dikikis, jangan dibiarkan berleluasa,
kerana ia boleh mempengaruhi amalan kita mening-
galkan ibadat puasa itu. Kita dituntut supaya suka
dengan datangnya bulan Ramadan, dan balasnya
menurut hadis di atas ialah terhindar dari api neraka.
Itu baharu suka, belum perbuatan melakukan puasa
itu sendiri. Tetapi biasanya, memanglah jika hati suka,
akan datanglah amalan mengiringinya. Kerana itu
Rasulullah dengan tidak ragu-ragu menegaskan,
barangsiapa yang suka dengan kedatangan bulan
Ramadan, Allah mengharamkan jasadnya daripada
api neraka. Sebab orang yang suka itu, bukan sekadar
ia suka sahaja, bahkan mesti buktikannya dengan
perbuatan sekali, mesti ia berpuasa, tidak dapat tidak.
Cuba perhatikan hadis ini pula yang ertinya:

"Barangsiapa yang berpuasa Ramadan dengan
sepenuh iman dan ikhlas, maka diampunkan Allah
segala dosa-dosa yang terdahulu."

Oleh itu, wahai kaum Muslimin! Marilah kita dari
hari ini menanamkan rasa suka dan gembira, dengan
tibanya bulan Ramadan yang mulia, sebagai
persediaan awal kita untuk melakukan ibadat puasa di
dalam bulan ini dan lain-lain ibadat yang berkeba-
jikan, yang ada hubungannya dengan menghayati
bulan tersebut. Mudah-mudahan dengan demikian itu,
kita akan mendapat ganjaran baik daripada Allah,
segaimana yang tersebut di dalam hadis-hadis
mengennainya.

Kursus singkat guru2 agama

BANDAR SERI BEGA-
WAN. — Guru-guru Uga-
ma yang mengajar di
sekolah-sekolah agama
kawasan Brunei II dan IV
pada minggu lepas telah
menghadiri satu kursus
singkat selama sehari
mengenai pembelajaran
agama yang berlangsung
di dua tempat dan masa
yang berasingan.

Kursus bagi guru-guru
agama kawasan Brunei IV
telah diadakan di Sekolah
Agama Pengiran Anak Pu-
teri Mutawakillah Hayatul
Bolkiyah, Kampung
Serusop pada 9hb Jun

lepas bermula jam 8.00
pagi. Kursus tersebut
dipengerusikan oleh se-
orang nazir lawatan
sekolah-sekolah agama
Pengiran Merali bin
Pengiran Ismail.

Kursus yang sama bagi
guru-guru agama kawasan
Brunei II telah diadakan
pada 11hb Jun di Sekolah
Agama Raja Isteri Pengi-
ran Anak Saleha, Kam-
pong Saba. Kursus ini juga
dipengerusikan oleh
seorang nazir lawatan
sekolah-sekolah agama
kawasan berkenaan Awang

Haji Abdul Kadir bin
Awang.

Sepanjang kedua-dua
kursus itu dijalankan
sebanyak tiga buah ker-
taskerja telah diben-
tangkan yang masing-
masing bertajuk Amali
Sembahyang Di Sekolah-
sekolah Agama oleh
Awang Haji Ismail bin Ha-
ji Hassan, Tulisan Jawi
oleh Awang Haji Mustajab
bin Saen dan Pentadbiran
Sekolah-sekolah Agama
oleh pegawai-pegawai
pelajaran agama dari
Jabatan Hal Ehwal Agama

Terdahulu dari itu satu
kursus singkat bagi pe-
gawai-pegawai kanan
Jabatan Hal Ehwal Agama
juga telah diadakan.
Dalam majlis itu Y.B.
Pehin Orang Kaya Ratna
Diraja Dato Seri Utama
Awang Haji Md. Zain,
Pengetua Pegawai Hal
Ehwal Agama telah
menekankan betapa pen-
tingnya pentadbiran yang
cekap dan efisien di samp-
ing menjalankan tugas
dengan jujur dan amanah
semata-mata kerana Allah
Taala jua.

PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS...

Allah Taala telah memerintahkan setiap orang Islam bersembahyang fardu Lima Waktu, sekiranya orang itu tiada mengindahkan atau memperdulikan titah perintah tersebut, jelasnya tiada mahu menjunjung titah perintah Allah Taala, maka orang itu tentulah orang jahat, orang yang degil, orang yang tiada berdisiplin. Adakah Allah akan menaruh belas kasihan dan memberi ganjaran pahala kepada orang yang seumpama ini, serta mengurniakan nikmat Syurga? Jauh panggang dari api.

Cuba kita bayangkan seorang guru, seorang kerani, seorang pegawai, seorang pelajar, seorang polis atau askar tiada mahu mengikut perintah ketuanya, Panglima atau perintah orang yang lebih berkuasa, apakah yang dapat kita sifatkan orang yang seumpama ini, orang baikkah ia atau jahat? Orang yang berdisiplinkah ia atau tidak?

KELEBIHAN PAHALA BERSEMBAHYANG DI MASJIDIL HARAM

(Sambungan)

Siri ke-187

adakah patut orang-orang seperti ini diberikan surat kepujian, pangkat atau disokong untuk dinaikkan pangkat?

Sebenarnya pahala yang besar kerana beribadat di Masjidilharam di Mekah Al Mukarramah, di Masjid Nabi (Sallallahu Alaihi Wassalam) di Madinah Al Munawwarah dan Masjid Al Aqsa itu merupakan satu kurnia Allah Taala, bila Allah Taala mahu Ia kurniakan, sebaliknya

kalau Allah Taala tiada suka dan tiada berkehendak untuk mengurniakan maka Allah Taala akan menahan-nya, sebagaimana hadis Rasulullah (Sallallahu Alaihi Wassalam) daripada sahabat Abu Hurairah (Radhiallahu Anhu) yang ertinya: "Laksanakanlah oleh kamu akan amal ibadat dengan tiada melampau dan cuai, dan lazimkanlah oleh kamu akan taat setia kepada Allah Taala, dan ketahuilah bahawa tiada seorang pun

dari kamu akan dapat selamat selain dari azab Allah dengan sebab amal ibadatnya itu."

Sahabat bertanya: "Adakah tuan hamba begitu juga ya Rasulullah?"

Sabda Rasulullah yang ertinya: "Saya pun tiada terkecuali melampaui kiranya Allah Taala melimpahkan rahmat-Nya dan kelebihan-Nya ke atas saya." (Hadis ini diriwayatkan oleh Imam Muslim).

Jelas di sini bahawa

kelebihan kurniaan dan rahmat Allah adalah atas ehsan dan pertimbangan Allah Taala jua. Allah mengurniakan kepada sesiapa yang Ia sukai dan kesihani. Tetapi perintah Allah mesti dijunjung dan larangan Allah mesti dijaui. Perkara-perkara yang fardu mesti diutamakan dari yang sunat-sunat, sebagai misal kalau seseorang tiada mahu bersembahyang fardu yang lima, maka segala amal ibadatnya yang lain atau yang sunat akan menjadi sia-sia sahaja.

Daripada sahabat Abu Hurairah (Radhiallahu Anhu), Rasulullah (Sallallahu Alaihi Wassalam) telah bersabda yang ertinya: "Barangsiapa yang meninggalkan sembahyang Asar, maka sesungguhnya pahala amalnya akan sia-sia sahaja".

Timbul persoalan, setengah orang pergi ke Mekah lalu di sana mengerjakan banyak sembahyang sunat tanpa menghiraukan wajib Qada sembahyang fardunya, dapatkah orang ini dianggap sebagai orang yang taat kepada Allah? Jelas menurut

hadis ini bahawa seumpama ini orang yang taat dikira ia orang yang taat melaksanakan sembahyang. Oleh itu segalanya lain akan menjadi sia-sia sahaja.

Firman Allah Surah Al Ma'idah yang ertinya: "Dan hendaklah kamu ingat bahawa Allah mengurniakan hamba-Nya yang taat kepada Allah Taala dan yang taat kepada Allah Taala".

Walaupun

PERUTUSAN RAMADAN

JAGA MAKAN MINUM DARI YANG HARAM

BANDAR SERI BEGAWAN. — Sekali lagi umat Islam di negeri ini diingatkan supaya menjaga keperluan makan minum mereka jangan sampai memakan barang-barang yang haram dan najis atau dari sumber pencarian yang tidak halal.

Y.B. Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Md. Zain bin Haji Serudin, Pengetua Pegawai Hal Ehwal Uagama Brunei membuat kenyataan tersebut dalam ucapan perutusannya sempena kedatangan bulan puasa tahun ini yang disiarkan melalui radio dan televisyen Brunei pada hari bermulanya umat Islam di negara ini menjalani ibadat tersebut.

Katanya, kehidupan di zaman moden ini menawarkan berbagai-bagai perkara termasuklah daging-daging ayam, lembu, kambing dan sebagainya yang dikatakan telah disembelih. Berhubung dengan perkara ini Y.B. itu memetik ulasan oleh Y.D.M. Pehin Datu Seri Maharaja, Mufti Kerajaan Brunei sebagaimana berikut:

"Ayam atau itik, yang dijual oleh orang bukan Islam di pasar-pasar dan di kedai-kedai dan supermarket, yang nampak dan zahir ayam atau itik itu sebagai disembelih

cara Islam, maka ayam atau itik itu masih dihukumkan bangkai, kerana belum diketahui siapa yang menyembelih ayam atau itik itu, jika diketahui ayam atau itik itu disembelih oleh orang bukan Islam, maka tetap ayam atau itik itu bangkai, kerana satu dari syarat sembelih yang halal hendaklah orang yang menyembelih itu orang Islam."

Y.B. Pehin Orang Kaya Ratna Diraja seterusnya berkata, kita sangatlah mustahak mengambil berat akan hukum halalnya barang-barang yang kita makan, kerana makanan yang haram itu boleh memberi kesan kepada kita, antaranya segala amalan kita tidak di terima oleh Allah dan daging-daging kita yang tumbuh dari makanan yang haram itu akan menjadi bahagian api neraka.

"Oleh itu saya ingin menarik perhatian kita bersama bahawa bersempena dengan bulan baik ini, adalah menjadi kewajiban kita untuk menguatkan azam kita, dan untuk kita memberi perhatian yang lebih kepada diri kita, dan kepada keluarga kita serta kepada masyarakat kita, supaya kita sentiasa berjaga-jaga dan jangan sampai termakan barang-barang haram, sama ada dari pencarian yang haram, atau benda yang haram atau benda itu ialah benda yang najis."



Y.B. Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Md. Zain, Pengetua Pegawai Hal Ehwal Uagama Brunei.

"Dan usahakanlah supaya pasungku sahur kita dan makan minum kita sentiasa terdiri daripada makanan yang halal, dan barang-barang dari benda-benda suci yang bukan menambah."

Waktu2 sembahyang dan matahari terbit

WAKTU-waktu sembahyang, insaallah terbit bagi Daerah Brunei-Muara, Temburong dan Tasek Bera, mulai dari hari Rabu 15hb Jun ke hari Selasa 21hb Jun, 1983 adalah bawah ini:

Hari					
Bulan	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak	Iman
15hb Jun	12.26	3.46	6.37	7.49	4.50
16hb Jun	12.27	3.47	6.38	7.50	4.51
17hb Jun	12.27	3.47	6.38	7.50	4.51
18hb Jun	12.27	3.47	6.38	7.50	4.51
19hb Jun	12.27	3.47	6.38	7.50	4.51
20hb Jun	12.27	3.47	6.38	7.50	4.51
21hb Jun	12.28	3.48	6.39	7.51	4.52

Waktu-waktu sembahyang dan imannya Belait hendaklah ditambah tiga minit waktu.

Sembahyang Jumaat di seluruh Negara mulai dari pukul 12.45 tengah hari.



Suasana begini sering terdapat di Ibu Kota dalam bulan puasa di mana orang ramai sibuk membeli juadah untuk pesungkaan.

SARAHAN KHAS

Untuk mendapatkan pertolongan Allah:

TIDAK ADA JALAN SELAIN BERTAKWA

(lanjutan)

...janganlah... ketika di... mengaku... Tidak pernah... dan terfikir... bahwa di... dunia... daratan... ia lupa, tidak... bahwa suatu... ia akan... daratan... sebagai pelawat... ancong tetapi... ke dalam kual... ke...

...sambil ibarat kita... jangan sampai... di sebalik... yang ada ini... lain yang lebih... lebih besar... kekal, ia... akhirat.

...kita kepada... tema, apakah... ny semua ini... pertolongan dan... Allah Taala?... tegas, jika... ini memang... dukkan per... dan pembelaan... adalah jalan... orang taat, men... yang takut... Allah, jangan... nka dengan... an dabek dada... Allah jangan... Taala. Hanya... ini sahaja... dapat menarik... Allah kepada... firman... Allah Taala... nta kepada... yang ber...

...adalah menjadi... lah pula, untuk... an membela... yang ber... sebagaimana... Nya taahirnya... lah hanya akan... ang orang... nta sahaja... lah kata: Allah... orang dan... Tapi yang... an Quran: Allah... an menolong... an menjadi... kepada orang... bertakwa saba... nama Islam... cukup un... per... an pembelaan... Islam itu ada... Ada orang... sahaja... kuasa tidak... Islam sem... kuasa dan... dan bahkan... ang Islam

namanya sahaja yang Islam, tetapi semua suruhan dan tegahan Allah, tidak diperdulikannya sama sekali. Maka jika terjadi hal yang demikian ini, bermakna jangan mimpi dan jangan harap pertolongan dan pembelaan Allah itu akan sampai kepada kita.

Kerana itu, orang Islam sekarang bukan tidak bekerja, bekerja! Orang Islam sekarang bukan tidak berjuang, berjuang! Tetapi semakin keras bekerja, semakin rancak berjuang, umat Islam kelihatannya bukan semakin kuat, bukan semakin kebal, bahkan semakin lemah dan mundur kebelakang. Satu demi satu negara-negara Islam tunduk di bawah pengaruh orang-orang bukan Islam, dan bahkan ada yang langsung kehilangan kuasa dan kemerdekaannya. Sementara yang lain-lain ada juga golongan orang-orang Islam yang beransur-ansur pupus, menjadi golongan minoriti di negaranya sendiri, yang sedikit demi sedikit mereka disepit dan akhirnya dijah oleh orang-orang bukan Islam itu.

Adapun tanda-tanda yang menunjukkan perkara ini boleh dan akan berlaku, ialah: Apabila orang-orang Islam sudah banyak yang lari dari agama-nya, apabila orang-orang Islam sudah tidak tegas lagi memegang dasar-dasar agamanya, apabila orang-orang Islam sudah menjadi penakut untuk menjalankan dasar-dasar agamanya, apabila orang-orang Islam sudah banyak mengalah dan tunduk di bawah kemahuan dan pengaruh orang-orang bukan Islam di negara orang-orang Islam itu sendiri, yang menjadikan hukum-hukum agama tidak lagi berjalan, yang menjadikan peraturan-peraturan agama tidak lagi dihormati. Maka apabila berlaku semua ini, itulah tandanya Allah tidak menolong dan tidak membela kita, disebabkan oleh terlampau banyaknya derhaka, terlampau banyaknya curang, khianat dan tipu helah di kalangan orang-orang Islam itu sendiri. (Demikian saya padankan dari maksud Kitab Az Zawajir m.s. 240 dan 241 karangan Al-Imam Ibnu Hajar seorang ulama Ash-Shafi'e yang sangat terkemuka itu).

Menyedari hakikat kita

orang Islam adalah pasti, bahwa satu-satunya tempat bergantung itu ialah Allah, tempat mengadu hanya Allah, tempat memohon perlindungan dan pembelaan hanya Allah. Dialah tempat bersandar yang paling kukuh, kerana bersandar kepada batu akan pecah, bersandar kepada besi, besi akan patah, bersandar kepada kayu, kayu akan mumut. Tetapi bersandar kepada Allah, Allah itu maha kekal, tidak akan binasa dan reput buat selamalamanya.

Dan menyedari hakikat ini juga, ya, kalau inilah yang ada dalam fikiran dan hati tiap-tiap orang Islam, maka sudah pasti mereka tidak akan menjual agamanya, sudah pasti mereka tidak akan menukar akhirat dengan dunia, dan sudah pasti mereka tidak akan melakukan maksiat dan munkarat kepada Allah.

Inilah satu bentuk kehidupan yang hendak kita tuju, kehidupan orang-orang bertakwa yang telah dijanjikan oleh Allah untuk mendapat pembelaan dan pertolongan-Nya. Firman Allah: *"Barangsiapa yang bertakwa kepada Allah, yang mengikut segala suruhan dan menjauhi segala bentuk dan rupa larangan-Nya, maka Allah akan sediakan untuknya jalan selamat, jalan keluar dari segala kesulitan dan azab, dan akan memberinya rezeki dan rahmat, yang ia tidak sangka dari mana datangnya."*

Untuk membuktikan hal ini, mari kita petik sebuah riwayat yang berlaku di zaman Rasulullah Salallahu Alaihi Wasallam. Di dalam suatu peperangan di masa Baginda, satu keluarga Islam telah kehilangan anak lelaki mereka yang tercinta, iaitu satu-satunya harapan tempat bergantung dan bermanja. Anak lelaki itu tidak mati di medan perang, tetapi telah ditangkap oleh musuh sebagai orang tawanan. Lalu siayah yang malang pun, datanglah berjumpa Rasulullah Salallahu Alaihi Wasallam memberitahu Baginda tentang anaknya yang telah ditawan, dan di samping itu meminta Baginda supaya dapat menjulungi

nasihat tentang apa-apa yang perlu dan patut dilakukannya.

Apa jawapan dan nasihat Rasulullah Salallahu Alaihi Wasallam kepada ayah yang malang ini? Bersabda Baginda:

"Bertakwalah! Bertakwalah dan bersabar. Saya perintahkan engkau dan ahli rumahmu supaya membanyakkan bacaan 'La haula wala kuwata illa billah.'"

Apa ini sahajakah jawapan dan nasihat Rasulullah? Jawabnya: Ya! Ini sahaja.

Kita faham, tuan tentu berfikir bahawa jawapan Rasulullah Salallahu Alaihi Wasallam, mestilah sekurang-sekurangnya akan melibatkan soal-soal ketenteraan, seperti berjanji akan menawan semula anak itu, atau berusaha untuk berperang atau menebusnya. Tetapi tidak! Malah yang ditunjuk oleh Rasulullah hanya nasihat, nasihat supaya bertakwa, bertakwa dan bertakwa. Kerana Baginda tahu bahawa kekuatan itu pasti akan datang kemudian dengan izin Allah, sesudah orang-orang Islam itu bertakwa, sabar dan banyak-banyak mengingat Allah.

Dipendekkan riwayat, lalu sahabat yang menerima nasihat inipun baliklah kepada keluarganya. Ia memberitahu isterinya supaya bertakwa dan bersabar, banyak-banyak membaca: *'La haula wala kuwata illa billah'* — Ini perintah Rasulullah kepada kita.

Dengan izin Allah, setelah nasihat dan perintah Rasulullah diikuti dengan sempurna, maka tidak berapa lama kemudian, kanak-kanak yang menjadi tawanan tadi pun, kembali semula ke pangkuan ayah bonda bukan dengan tangan kosong, tetapi dengan membawa kekayaan 400 ekor kambing musuh. Kerana menurut riwayat, dengan pekerjaan bertakwa dan ketaatan itu bapa kanak-kanak itu, maka musuh yang menawaninya telah menjadi bodoh, lupa dan lalai terhadap tawanananya, sehingga kanak-kanak tadi dengan mudah dan senang sahaja melepaskan diri.

PANDUAN HAJI HAJI MABRUR

Ada juga orang yang mengatakan bahawa barang siapa yang mandi di telaga tujuh maka orang itu tidak akan masuk neraka kerana kononnya telaga tujuh itu ialah lambang neraka airnya panas dan biliknya seakan gua, lantai di dalamnya juga panas dari itu orang yang pernah masuk adalah dikira telah pernah masuk neraka, dari itu tidak akan masuk neraka lagi untuk kali yang kedua di akhirat. Tuan/puan para bakal haji sekalian, saya ingatkan bahawa kalau tuan/puan menjumpai perkara-perkara demikian pastikan perkara itu kepada pegawai-pegawai yang bertugas (pegawai haji) supaya tuan/puan tidak terkeliru memegang amalan-amalan yang bertentangan dengan ajaran Islam.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian, untuk mencapai haji mabrur tidaklah mudah membayangkannya dalam khayalan. Saya tekankan sekali lagi, bahawa pekerjaan haji adalah suatu ibadah yang sangat berat, penuh dengan dugaan dan cubaan yang mencabar yang mesti kita tempuhi dengan sabar dan tenang dengan hati jernih dan iman yang luhur.

Mengenai dengan kepayahan dan kesungguhannya Nabi s.a.w. bersabda yang ertinya: *"Orang yang mengerjakan haji itu ialah orang berkeadaan kusut-masai, serba serbinya tidak terurus."*

Maka dari sabda Rasulullah s.a.w. itu dapat dibayangkan betapa para bakal haji nanti akan menemui suatu keadaan di mana bentuk dan corak hidup mewah tidak ada tempat. Malah sebaliknya semua dalam keadaan sederhana dan simple, sebagai contoh di sana sini kedapatan keadaan yang kurang menyenangkan tempat yang tidak selesa, keadaan pengangkutan yang penuh sesak, para jemaah beratur dalam keadaan cuaca panas dan sebagainya.

Sebagai contoh, tiba saja di Jeddah setelah menunggu beberapa lama maka pemeriksaan beg pun dijalankan oleh pegawai Arab Saudi. Dan beg-beg kitani yang sudah diikat kemas itu dibuka semuanya, semua barang di dalam beg itu diuji/diperiksa dengan teliti dan jika terdapat barang-barang yang disyaki atau dicurigai mungkin akan dirampas atau ditahan oleh pegawai bertugas atau dibuang ke dalam tong sampah. Dari itu tuan/puan sekalian andainya perkara itu terjadi maka sewajarnya para jemaah sekalian menahan sabar dan membiarkan tindakan mereka, jangan sekali kita timbulkan huru-hara kerana mereka mempunyai kuasa mutlak melakukan yang demikian.

Selasai pemeriksaan beg, maka jemaah terpaksa pula berihat dan menunggu urusan passport dan urusan bas untuk mengangkut para jemaah ke Medinah. Dalam menunggu tidak tentu mungkin 6 jam atau 8 jam atau juga kurang dari itu kemudian apabila semua urusan tersebut beres baharulah berangkat ke Medinah dengan menunggu bas di mana perjalanan kesana akan mengambil masa lebih kurang 9 jam atau mungkin juga lebih sehingga 10 jam kerana perjalanan yang agak jauh sering juga terjadi kerosakan bas, maklum saja selama beberapa bulan di musim haji itu bas tersebut sentiasa saja berkhidmat mengangkut para jemaah dari seluruh dunia dan kadangkala berlaku kerosakan pemandu (driver) membuang angai atau kedua-duanya rosak, kerana pemandu itu juga kebanyakannya adalah didatangkan dari luar negeri dan mereka bekerja terus menerus 24 jam. Tidak tentu makan dan tidur.

Kemudian ketika berada di tanah suci rumah tumpangan yang disediakan adalah kecil dan diisi dengan ramai jemaah dalam bilik atau dalam orang malah kadang kala sampai dua belas orang, dengan keadaan air yang kurang dan bilik air tidak cukup ditambah lagi dengan wap yang panas tidak ada air-con tambah lagi kalau tingginya di bahagian tingkat tinggi kalau terpacak naik tangga sampai tingkat sembilan, keadaan-keadaan begini semuanya dapat menimbulkan kegelisahan hati, ungking dan boleh jadi membawa rasa tidak puas hati dan marah-marah semua ini adalah cubaan.

Tujuan saya menimbulkan perkara ini semua adalah untuk memberikan gambaran yang jelas sesuai dengan maksud hadis Nabi s.a.w., bahawa para hujjaj adalah orang-orang yang kusut-masai dan tidak terurus, kusut di sini bukanlah bermaksud muka masam macam muka atau murung kata orang kitani, tetapi maksudnya ialah urusan harian maka minuman, pakaian dan lainnya bagi para jemaah ketika menunaikan ibadah tidak begitu dipentingkan, tetapi apa yang mereka utamakan ialah beribadah khususnya sembahyang, membaca ayat-ayat suci, berzikir, bertasbeih dan berdoa, kerana memohon keredaan Allah serta beramal ibadah sebanyak yang mungkin yang dapat dilakukan di mana waktu itulah kesempatan bagi jemaah melipat gandakan pahala dari amalan mereka.

DS: Mengapa Majlis Keselamatan Jalan Raya ditubuhkan?

AH: Ia ditubuhkan pada tahun 1978, tapi usaha-usaha pada memberikan kesedaran kepada orang ramai sudah lama difikirkan. Ini terbukti bila pada tahun 1954 sudah ada satu badan yang dipelopori oleh segelintir tenaga.

Ke arah ini sebagai jabatan yang bertanggungjawab bagi mendaftarkan dan melesen serta melesenkan pemandu, maka jabatan Pengangkutan Darat telah menghadapkan kepada kerajaan supaya dibenarkan penubuhan majlis ini yang dapat menyelaraskan kegiatan-kegiatan untuk meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai jalan raya ini memandangkan kemalangan yang berlaku yang berpunca dari pertambahan pemandu dan kereta.

DS: Apakah pula tujuan pada menubuhkan majlis ini?

AH: Tujuan yang digariskan ialah untuk menasihatkan YAB Menteri Besar mengenai dengan perkembangan yang berkaitan dengan keselamatan jalan raya seluruh negeri. Kedua pada merumuskan satu skim yang bertujuan untuk faedah-faedah keselamatan jalan raya dengan cara pendidikan penduduk-penduduk dewasa dan kanak-kanak sekolah mengenai keselamatan jalan raya serta pada memberikan maklumat dan publisiti mengenai langkah-langkah keselamatan jalan raya.

Di samping itu majlis juga diharapkan dapat menimbulkan kepatuhan terhadap undang-undang lalu lintas jalan raya dan peraturannya oleh pemandu dan pengguna dan menimbulkan kesedaran kejuruteraan jalan raya dan perancangannya yang berkaitan dengan keselamatan dan penggunaannya.

Di samping itu majlis juga diberi kebenaran untuk memungut dan menerima pemberian baik secara derma atau wasiat untuk kegunaan majlis ini dan menubuhkan cawangan-cawangan di semua bahagian dan juga untuk mengadakan hubungan dengan lain-lain pertubuhan yang sama di luar negeri.

DS: Dengan tujuan-tujuan di atas apakah peranan yang boleh disumbangkan?

AH: Dalam hasrat penubuhan ialah pada menselaraskan kegiatan jabatan kerajaan terutamanya dalam peranan majlis menasihatkan Y.A.B. Menteri Besar. Bagaimanapun ahli-ahli majlis ini juga kebanyakannya terdiri dari ketua-ketua jabatan yang berkenaan dengan jalan raya, penguatkuasa undang-undang dan mengenai pendaftaran kereta dan pelesenan.

Ertinya mengenai jalan raya, Pengarah Kerja Raya dapat memainkan peranan dengan cara memastikan jalan raya itu selamat dari segi penggunaannya. Penguatkuasa undang-undang pula, Pesuruhjaya Polis (Timbalan Pengerusi I) dapat menguatkuasakan peraturan-peraturan yang berkaitan dengan undang-undang lalu lintas jalan raya dan peraturan yang di bawahnya.

Manakala Pengawal Pengangkutan Darat (Timbalan Pengerusi II) selaku bertanggungjawab tentang pendaftaran dan

Tujuan yang digariskan ialah untuk menasihatkan Y.A.B. Menteri Besar mengenai dengan perkembangan yang berkaitan dengan keselamatan jalan raya.

pelesenan dapat memutuskan langkah-langkah yang sesuai bagi menentukan bahawa kenderaan yang didaftar dilesenkan itu adalah selamat digunakan.

Serta sebagai jabatan yang bertanggungjawab untuk melesenkan pemandu dan memastikan yang orang-orang yang diberikan lesen pemandu adalah mereka yang benar-benar layak.

Kegiatan pada memberikan penerangan dan publisiti telah juga banyak dilakukan oleh majlis ini. Sejak ia ditubuhkan majlis ini telah mengadakan peredaran melukis poster di samping itu majlis juga telah memberikan sumbangan melalui kuiz keselamatan yang telah dimulakan pada 1980.

Terdahulu sebelum itu, pada awal penubuhan majlis juga telah mengadakan taklimat ke sekolah-sekolah untuk mendedahkan kepada penuntut-penuntut akan masalah-masalah keselamatan jalan raya.

Juga mengadakan pameran-pameran keselamatan jalan raya yang mempamerkan jabatan-jabatan yang terlibat, dan dalam pada itu majlis ini juga telah mengeluarkan beberapa panduan keselamatan

yang setakat ini telah empat panduan diberikan.

DS: Dengan penambatan bilangan kereta di negeri ini adakah ianya mendatangkan satu kesan yang baik dengan pengujudan majlis ini?

AH: Pada peringkat awal penubuhan, ada terdapat kekurangan dalam bilangan kemalangan tetapi sejak akhir-akhir ini bilangan tersebut meningkat semula. Walaupun belum ada kajian yang sebenar mengaitkan tentang usaha yang dimainkan oleh majlis kepada berkurangan atau bertambahnya bilangan kematian kemalangan, tapi oleh kerana pendedahan yang diberikan tentu ada kesan-nya.

DS: Kenapa pula terjadinya turun naiknya angka kemalangan yang mengakibatkan kematian?

AH: Memang pada mulanya segala kegiatan yang dibuat oleh majlis ini mendapat sambutan yang baik dan meyakinkan dari orang ramai. Misalnya dalam kempen jalan raya telah diserapkan oleh pihak berkenaan. Ini menimbulkan kesedaran pada orang ramai.

Tapi memang lazimnya kalau perkara itu sering dilakukan, orang mudah lupa. Dalam hal ini pihak majlis cuba pula untuk

membuat satu strategi baru yang boleh mengembalikkan kesedaran orang ramai.

DS: Melalui langkah apakah yang lebih berkesan untuk memberi kesedaran kepada orang ramai?

AH: Yang baik adalah melalui publisiti, kerana orang ramai harus didedahkan untuk lebih mengambil ingatan tentang perkara-perkara yang menyebabkan kemalangan di jalan raya.

Jadi majlis akan menguatkan usaha melalui publisiti seperti melalui media massa. Di samping itu majlis juga melalui media televisyen akan cuba menayangkan filem keselamatan jalan raya yang telah dikeluarkan oleh badan-badan di luar negeri.

Inilah yang telah dimainkan oleh pihak tersebut dan adalah lebih baik jika pihak berkenaan membuat dan menayangkan filem yang berunsurkan keselamatan jalan raya dengan latar belakangnya di negeri ini sendiri tentu akan lebih memberi fahaman yang mendalam kepada pengguna jalan raya di negeri ini.

DS: Apakah yang menyebabkan kemalangan terjadi?

AH: Ini dapat dikaitkan kepada tiga usur penting. Pertama jalan raya, kedua kenderaan dan ketiga pengguna jalan raya. Kalau ini diselidiki dua darinya dapat diaturnya iaitu jalan raya dan kenderaan, dan mengenai pengguna pula ia adalah faktor manusia yang mempunyai tabiat dan keolahan sendiri.

Jika ditinjau kenderaan yang terlibat dalam kemalangan setakat ini adalah kenderaan yang diiktiraf 'layak'. Menyentuh jalan raya tidaklah dapat disalahkan seratus peratus walaupun masalah jalan ada menyebabkan kemalangan.

Dalam undang-undang pula menyatakan yang pemandu hendaklah selalu berwaspada. Dalam erti kata membuat tindakan yang bersesuaian dengan keadaan sekelilingnya seperti mematuhi had laju, kawasan kemalangan atau dalam keadaan jalan raya yang licin.

Kenderaan pula kalau diubahsuai mungkin menyebabkan kemalangan termasuk tayar-tayar botak yang tentu mengurangkan performance di jalan raya.

Di negeri ini mangsa yang terlibat dalam kemalangan yang menyebabkan kematian

biasanya dan pemandu kereta dengan melibatkan yang lain yang berada pada kenderaan bertambah.

Ini bermaksud kenderaan dengan kenderaan atau dengan kenderaan menjadi iaitu kemalangan.

DS: Pada kemalangan di tempat Bagaimana Awang?

AH: Memang di jalan yang belum Bagaimanapun berkenaan memang memang tempat kemalangan bahawa menggaris waja dan melalui mungkin tidak berulang dan

Sebelum dapat orang pemandu untuk bukan kemalangan

Majlis Keselamatan Jalan Raya

TIMBULKAN KEPATUHAN TERHADAP UNDANG2

Awang Hepnie bin Abang

DIALOG SEMAS

diusahakan/disusun oleh: MANAF RUI dengan kerjasama Bahagian Melayu Radio Brunei.

RANCANGAN TV MINGGU INI

PIHAK Radio Televisyen Brunei berhak untuk menukar mana-mana jua rancangan yang difikirkan perlu tanpa memberitahu terlebih dahulu.

HARI RABU
15HB JUN

12.13 SUSUNAN RANCANGAN

12.15 RANCANGAN AGAMA

12.30 SIARAN LANGSUNG SEMBAH-

YANG FARDU JUMAAT DARI

MASJID OMAR ALI SAIFUDDIN

BANDAR SERI BEGAWAN

ROAD TO L.A.

1.25 PETANG

2.15 THE YOUNG MAVERICK —

"Half Past Noon"

Seorang yang mempunyai dendam ter-

hadap bandar Bear Cave telah dilepas-

kan dari penjara. Ben Maverick di-

pilih untuk menjadi pencabarnya di

satu "Shootout"

3.00 HEROES' HIGH

(Episod terakhir)

3.30 THE EXPEDITION TO ANIMAL

KINGDOM: "Star of The Sea Bed"

3.47 AZAN ASAR

3.50 EXPEDITION TO THE ANIMAL

KINGDOM — sambungan

3.55 THE LITTLE RASCAL

RENCANA TEMPATAN:

"Mukim Saba"

4.45 THE ELECTRIC COMPANY

RICKETY ROCKET

5.35 YOU ASKED FOR IT

6.00 BERITA AWAL

6.05 WIDEWORLD: "Horse Riding

Through History"

6.26 CERAMAH MENJELANG SUNG-

KAI

6.38 BEDOK DAN AZAN MAGHRIB

6.48 NASYID/AL-QURAN

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA

INGGERIS

7.15 TUCKER'S WITCH:

"The Corpse Who Knew Too Much"

Penyiasatan Tucker ke atas percubaan

membunuh terhadap jirannya mem-

bawa mereka ke liku-liku pengenalan,

pejabat-pejabat dan agensi Federal

yang palsu.

7.50 AZAN ISYAK

7.55 TUCKER'S WITCH — sambungan

8.15 WARTA BERITA

8.35 MASJID-MASJID DI MESIR

8.45 DRAMA: "Seniman" (Ulangan)

9.15 DALLAS: "Requiem"

10.05 BENSON

10.35 C.B.E. SPORTS SPECTACULAR

11.35 CHICAGO STORY:

Apabila Carol, Carrie dan dua anak

lelakinya terlibat dalam satu nahas

kapal terbang, cuaca yang buruk me-

nyebabkan susah mencari mereka.

"Performance" Bhs. 2

12.25 SIARAN TAMAT.

HARI SABTU 18HB JUN

PETANG

3.45 PEMBUKAAN

3.46 QURAN DAN MARI KITA

BERDOA

3.58 SUSUNAN RANCANGAN

4.00 KAP KAP UDANG

4.30 SESAME STREET

5.30 NATURE WATCH: "Mauritius"

6.00 BERITA AWAL

6.5 ANIMAL WORLD:

"Gypsy Hore Fair"

6.26 CERAMAH MENJELANG SUNG-

KAI

6.38 BEDOK DAN AZAN MAGHRIB

6.48 NASYID/AL-QURAN

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA

INGGERIS

7.15 MATT HOUSTON:

"Shark Bait"

7.50 AZAN ISYAK

7.55 MATT HOUSTON — sambungan

8.15 WARTA BERITA

8.35 MASJID-MASJID DI MESIR

8.45 BUMI HIJAU

9.15 MIND YOUR LANGUAGE

INSIDE A MULTINATIONAL:

"Treasure Island"

10.35 THE BLUE AND THE GRAY



VALERIA Curtain (kiri) dan Rita Moreno berlagak dalam rancangan NINE TO FIVE. Siri ini akan dapat Awda ikuti hari Khamis esok kira-kira jam 10.45 malam.

6.38 BEDOK DAN AZAN MAGHRIB

6.48 NASYID/AL-QURAN

sambungan

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA

INGGERIS

6.05 ANIMAL WORLD:

THE YEAGERS:

"Only The Strong Survive"

AZAN ISYAK

7.50 THE YEAGERS — sambungan

7.55 WARTA BERITA

8.15 LIPUTAN NASIONAL

8.45 DOCUMENTARY TEMPATAN:

"Pembangunan Temburong"

Secara spontan jika diperhatikan, pem-

bangunan pesat dalam tahun 1983 ada-

lah sama-sama dapat dilihat dan di-

nikmati oleh rakyat dan penduduk

Negara Brunei Darussalam, dan pem-

bangunan pesat ini, tidaklah bererti

hanya bertumpu di sekitar ibu negeri

malah ianya juga berkembang dan

menjalar ke seluruh daerah, seperti

salah satu daerah yang jauh dari ibu

negeri, Temburong. Filem dokumentari,

"Temburong Dalam 'Pembangunan'"

memperlihatkan berbagai aspek, pem-

bangunan infra-struktur, sosioekonomi-

nya.

9.45 TAYANGAN GAMBAR INDONE-

SIA: "Bukan Isteri Pilihanku"

11.15 TAYANGAN GAMBAR AKHIR:

"Patricia Neal Story"

12.45 SIARAN TAMAT.

HARI AHAD 19HB JUN

2.00 PEMBUKAAN

2.02 QURAN DAN MARI KITA

BERDOA

2.13 SUSUNAN RANCANGAN

2.15 THE GOLDIE GOLD AND

ACTION JACK

2.45 EUROPEAN CUP:

"Hamburg vs Juventus"

AZAN ASAR

3.47 EUROPEAN CUP — sambungan

3.50 PLASTIC MAN

4.00 PANCA IRAMA

4.25 DR. WHO: "Meglos"

4.50 TARGET: THE IMPOSSIBLE:

"To Humanise Our Police"

5.45 THE FONZ AND THE HAPPY

DAYS GANG

6.00 BERITA AWAL

6.05 THE FONZ AND THE HAPPY

DAYS GANG — sambungan

6.10 LOVE SIDNEY:

"The Price of Security"

6.26 CERAMAH MENJELANG SUNG-

KAI

6.38 BEDOK DAN AZAN MAGHRIB

6.48 NASYID/AL-QURAN

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA

INGGERIS

7.15 MATT HOUSTON:

"Shark Bait"

7.50 AZAN ISYAK

7.55 MATT HOUSTON — sambungan

8.15 WARTA BERITA

8.35 MASJID-MASJID DI MESIR

8.45 BUMI HIJAU

9.15 MIND YOUR LANGUAGE

INSIDE A MULTINATIONAL:

"Treasure Island"

10.35 THE BLUE AND THE GRAY

11.25 TALES OF THE UNEXPECTED:

"Pattern of Guilt"

11.55 SIARAN TAMAT.

HARI ISNIN 20HB JUN

PETANG

3.45 PEMBUKAAN

3.46 QURAN DAN MARI KITA

BERDOA

3.58 SUSUNAN RANCANGAN

4.00 KAP KAP UDANG

4.30 WHISPER OF GLOCKEN

4.45 THE PERILS OF PENELOPE

PITSTOP: "Tell Timber Trenchery"

5.05 DASTARDLY AND MUTTELY

5.30 THAT'S INCREDIBLE

6.00 BERITA AWAL

6.05 THAT'S INCREDIBLE

sambungan

6.26 CERAMAH MENJELANG SUNG-

KAI

6.38 BEDOK DAN AZAN MAGHRIB

6.48 NASYID/AL-QURAN

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA

INGGERIS

7.15 TALES OF THE GOLD MONKEY:

"Honor Thy Brother"

7.50 AZAN ISYAK

7.55 TALES OF THE GOLD MONKEY

— sambungan

8.15 WARTA BERITA

8.35 MASJID-MASJID DI MESIR

8.45 LIPUTAN NASIONAL

9.15 ARE YOU BEING SERVED:

"Anything You Can Do"

9.45 DOCUMENTARY: FLIGHT OF

THE CONDOR

10.45 THE PHOENIX: "Presence of

Evil"

11.35 SIARAN TAMAT.

HARI SELASA 21HB JUN

PETANG

3.45 PEMBUKAAN

3.46 QURAN DAN MARI KITA

BERDOA

3.58 SUSUNAN RANCANGAN

4.00 KAP KAP UDANG

4.30 PHOENIX AND THE CARPET:

"Some Indian Things"

5.00 HANS CHRISTIAN ANDERSEN

ANIMATION: "The Bad Lot"

5.30 RIPLEY'S BELIEVE IT OR NOT

6.00 BERITA AWAL

6.05 RIPLEY'S BELIEVE IT OR NOT

— sambungan

6.27 CERAMAH MENJELANG SUNG-

KAI

6.39 BEDOK DAN AZAN MAGHRIB

6.49 NASYID/AL-QURAN

MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA

INGGERIS

7.15 FALCON CREST:

"United We Stand"

7.51 AZAN ISYAK

7.56 FALCON CREST — sambungan

8.35 MASJID-MASJID DI MESIR

8.45 ARENA SUKAN


9.15 STRANGERS: "Death, Marriage

and Birth"

10.15 TAYANGAN GAMBAR:

"Where Have All The People Gone"

11.40 SIARAN TAMAT



"Rocky Rascal" akan menemui adik-adik di kaca TV Jumaat lusa kira-

Masyarakat
Tiong Hwa diseru:

BANTU B-PUTERA

BANDAR SERI BEGA-
WAN. Masyarakat
Tiong Hwa diseru akan
sangat membantu dan
berkerjasama dengan lain-
lain kaum di negeri ini
terutama bumiputera di
bidang ekonomi.

Pegawai Daerah Brunei
dan Muara, Awang Haji
Mohammad bin Haji
Serudin berkata bidang
tersebut akan membantu
mendapatkan dan
meningkatkan secara
maksud dan berkesesuaian
bagi mengurangkan
utang beza penikmatan
ekonomi di negeri ini.

Langkah ini, katanya,
akan dapat membantu
kehidupan semangai bagi
memupuk tegaknya
sebuah masyarakat Brunei
yang teguh dan bersatu-
padu tanpa mengira asal-
usul keturunan.

Berucap ketika
memasuki Dewan Per-
niagaan Orang-Orang
Tiong Hwa di Tingkat Em-
por Bangunan Giok Tee di
sini pada 28hb Mei yang
lalu, Pegawai Daerah
Brunei dan Muara itu
menekankan, "Perkara ini
tidak hanya tinggal
sebagai lamanya sebagai
bahan pemikiran bagi
masyarakat Tiong Hwa,
atau berselindung dengan
berbagai-bagai dalih atau
sebagai menimbulkan
calak tanda untuk melepas
tangan di tangga."

Ke arah itu, Awang Haji
Mohammad berharap agar
tugas dijadikan sebagai
tempat penyusunan ke-

arah bidang kerjasama
seperti yang dihasratkan.

"Pada pendapat saya
seelok-eloknya pengesanan
itu dibuat secara jujur dan
berkualiti dan bukannya
diukur dari kuantiti,"
tegas beliau lagi.

Pegawai Daerah itu
berkata, fungsi dewan itu
sejak beberapa tahun
kebelakangan ini difahami
telah beransur berubah
kepada suatu sikap yang
tidak sahaja menghadkan
semata-mata berasaskan
kepentingan ekonomi
kalangan masyarakat
Tiong Hwa tetapi juga
membantu masyarakat
Tiong Hwa untuk
memupuk taat setia
kepada Raja.

"Diharapkan kegiatan-
kegiatan seperti ini akan
berterusan demi menim-
bulkan kehidupan ber-
masyarakat harmoni dan
bukan masyarakat yang
terdapat tembok-tembok
pemisah antara satu sama
lain," tegas Awang Haji
Mohammad.

Sementara itu,
Pengerusi Dewan Per-
niagaan Tiong Hwa,
Awang Lim Eng Ming
ketika memberi ucapan
alaluannya berharap
agar dewan akan lebih
bergiat lagi dalam ber-
bagai aktiviti selaras
dengan kehendak dan
keperluan perlembagaan
dewan dan secukupnya
keperluan masyarakat di
negeri ini. "Dengan
mengikuti peraturan-
peraturan yang telah
ditetapkan oleh Kerajaan
Kebawah Duli Yang Maha
Mulia Paduka Seri Bagin-
da Sultan dan Yang Diper-
tuan," ujarnya.

Lanya juga berharap
supaya ahli jawatkuasa
dewan lebih bergiat dalam
usaha menjalinkan
perhubungan serta
memberi pertolongan
kemasyarakatan dengan
mana-mana persatuan
yang halal luar dan dalam
negeri, dari segi ekonomi,
perkembangan dan fizikal.

Seharuslah jua ahli-ahli
dewan ini mengubah sikap
bergiat lebih daripada itu
dan bersatu padu dengan
mana-mana pihak atau
masyarakat di negeri ini
untuk sama-sama
memperjuangkan dan
mempertahankan
kestabilan dan keamanan
serta perkembangan
ekonomi Brunei.



Mangsa kebakaran terima derma

PENDUDUK-PENDUDUK Mukim
Gadong telah mendermakan sejumlah
\$6,303.50 kepada seramai tiga belas
keluarga mangsa-mangsa kebakaran.

mad bin Haji Serudin di satu majlis di
rumah kediaman Penghulu Mukim
Gadong, Awang Haji Shukor bin Haji
Pakar di Kg. Beribi, pada Rabu lepas.

Brunei-Muara. Peristiwa kebakaran di
Kg. Menglait telah melibatkan tiga
buah rumah yang telah berlaku pada
13hb. April yang lalu.

Penyampaian derma tersebut kepada
keluarga-keluarga berkenaan telah
disempurnakan oleh Pegawai Daerah
Brunei-Muara, Awang Haji Moham-

Penyampaian derma pada hari itu
telah disaksikan oleh Penghulu Mukim
Gadong, Ketua-Ketua Kampung dan
pegawai-pegawai dari Pejabat Daerah

Awang Haji Buntar bin Haji Salleh
menerima derma yang disampaikan
oleh Pegawai Daerah Brunei-Muara.
(Gambar)

Undang2 Lesen Rampaian 1978

Dari muka 2

tukan yang baru, maka
adalah diperuntukkan oleh
Bab 10 bahawa sesiapa yang
sebaik-baik sahaja sebelum 1
haribulan Januari 1983
adalah membuka atau men-
jalankan apa jua per-
dagangan, perniagaan atau
pekerjaan yang ditentukan
dalam jadual adalah berhak
untuk meneruskan pem-
bukaan atau perjalanan
aktiviti-aktiviti tersebut tanpa
sesuatu lesen bagi satu tem-
poh selama 12 bulan mulai
dari 1 haribulan Januari 1983
atau jika sebelum berakhirnya
tempoh dua belas bulan dari 1
haribulan Januari 1983
seseorang itu telah membuat
satu permohonan bagi men-
dapatkan lesen tempoh 12
bulan ini adalah dilanjutkan
sehingga permohonannya itu
dibenarkan atau ditolak.

Walaupun beberapa tem-
pat, perdagangan, per-
niagaan atau pekerjaan telah
disebutkan dalam jadual
dalam undang-undang ini
tetapi Kebawah Duli Yang
Maha Mulia dalam Majlis
Mesyuarat dengan peraturan-
peraturan adalah dibolehkan
menurut Bab 2(1)(H) dari
undang-undang ini untuk
mengecualikan mana-mana
tempat, perdagangan, per-
niagaan atau pekerjaan yang
terletak atau dijalankan di
dalam kawasan-kawasan
dijelaskan atau dibuka atau
dijalankan oleh mana-mana
orang atau golongan orang-
orang dari kuatkuasa undang-
undang ini atau sebahagian
daripadanya atau dari
sebarang peraturan-
peraturan yang diperbuat di
bawahnya dan menentukan
serta mengubah sempadan-
sempadan kawasan-kawasan
sedemikian. Ini bererti
bahawa Kebawah Duli Yang
Maha Mulia dalam Majlis
Mesyuarat boleh menge-
cualikan misalnya jika
difikirkan bersesuaian

peniaga-peniaga tempatan
yang membuat perniagaan di
Tamu atau lain-lain tempat.

Peraturan-peraturan lesen-
lesen rampaian 1982 telah
dibuat oleh Kebawah Duli
Yang Maha Mulia dalam Ma-
jlis Mesyuarat yang mana
peraturan-peraturan ini telah
juga berjalan kuatkuasanya
mulai 1 haribulan Januari
1983. Peraturan-peraturan ini
mempunyai syarat-syarat bagi
permohonan bagi men-
dapatkan lesen dan tempoh
lesen tersebut, syarat-syarat
bagi menjaga tempat-tempat
kebersihan bagi tempat-
tempat berlesen, kebersihan
dan penjagaan bangunan
berlesen, darjat-darjat keber-
sihan khasnya dalam per-
tubuhan makanan dan syarat-
syarat terhadap pengawalan
penjaja-penjaja dan Pihak-
Pihak Berkuasa Melesen.

Menurut jadual pertama
kepada peraturan-peraturan
tersebut beberapa Pihak
Berkuasa Melesen telah dilan-
tik bagi kawasan-kawasan
melesen yang tertentu dan
bagi perkara-perkara dalam
jadual di bawah mana Pihak
Berkuasa Melesen tertentu itu
berkuasa. Pihak-pihak
berkuasa yang telah dilantik
itu ialah:

- 1) Lembaga Bandaran;
- 2) Lembaga Kemajuan
Ekonomi Brunei; dan
- 3) Lembaga Melesen Daerah
bagi keempat-empat
daerah di negeri ini.

Pihak Lembaga Melesen
Bandaran mempunyai kuasa
dalam kawasan Lembaga
Bandaran terhadap
perlesenan dalam — (E) kedai
runcit; (F) setor-setor kayu
dan kilang-kilang perabot;
(G) bengkel.

tempat menyimpan minyak
dan benda-benda yang
mudah terbakar.

Sementara Pihak Berkuasa
Lembaga Melesen Daerah
mempunyai kuasa dalam
semua kawasan di dalam
negeri di luar kawasan-
kawasan Lembaga Bandaran
terhadap — (A) kedai-kedai
kopi, kedai-kedai makan,
rumah-rumah penginapan,
rumah-rumah tumpangan
atau tempat-tempat kun-
jungan atau hiburan orang
ramai yang lain; (B) penjaja-
penjaja; (E) kedai runcit; (F)
stor-stor kayu dan kilang-
kilang perabot; dan (G)
bengkel.

Peraturan-peraturan ini
juga memperuntukkan bagi
bayaran-bayaran lesen
tahunan dalam Jadual keem-
pat:

- 1) Kedai kopi - \$25.00 satu
tahun;
- 2) Kedai makan - \$50.00
satu tahun;
- 3) Rumah penginapan yang
menyediakan —
(A) 10 atau lebih bilik
tidur dan/atau petak-
petak - \$100.00 satu
tahun;
(B) Kurang dari 10 bilik
tidur dan/atau petak-
petak - \$50.00 satu
tahun;
- 4) Rumah tumpangan
-\$25.00 satu tahun;
- 5) Tempat kunjungan dan
hiburan orang ramai
-\$100.00 satu tahun;
- 6) Penjaja - \$10.00 satu
tahun;
- 7) Pergadangan kereta
-\$100.00 satu tahun;
- 8) Stesen minyak termasuk
sesuatu tempat menyim-
pan minyak dan benda-
benda yang mudah ter-
bakar - \$100.00 satu
tahun;
- 9) Kedai runcit - \$50.00 satu
tahun;
- 10) Stor dan/atau kilang
perabot - \$100.00 satu
tahun; dan

11) Bengkel - \$50.00 satu
tahun.

Menurut peraturan-
peraturan, seseorang yang
memohon lesen hendaklah
mengisikan borang yang
disediakan berserta dengan
lukisan peta yang menunjuk-
kan garis kawasan dan
sempadan-sempadan yang
lengkap mengenai mana-
mana tempat yang
dipohonkan oleh pemohon
sebagai satu tempat berlesen
dengan pemohon menan-
datangani permohonan
tersebut disaksikan oleh
seorang saksi. Pihak Berkuasa
Melesen atau seseorang
pegawai yang diberi kuasa
boleh menghendaki pemohon
untuk memberikan maklumat
lanjut mengenai
permohonan- permohonan
seseorang.

Jika lesen diberikan, lesen
tersebut boleh dikenakan
syarat oleh Pihak Berkuasa
Melesen yang mana syarat-
syarat tersebut akan
dicatatkan di belakang lesen
itu. Sesuatu lesen akan sah
bagi tempoh 12 bulan dari
tarikh pengeluarannya,
melainkan jika ia digan-
tong, dipotong atau
dibatalkan. Sesuatu lesen itu
pula tidak boleh dipindah-
milikan.

Setiap pemegang lesen hen-
daklah memperlihatkan lesen-
nya di sesuatu tempat yang
mudah dilihat dan mudah
didekati di tempat berlesen
atau gerainya sementara
setiap pemegang lesen penjaja
yang beredar-edar adalah
dikehendaki untuk
memperlihatkan lesennya
sama ada pada dirinya atau di
tempat barang-barang yang
dibawanya.

Syarat juga dibuat di
bawah peraturan-peraturan
ini bagi maksud-maksud
pencegahan kebakaran di
tempat-tempat berlesen. Jadi,
seseorang pemegang lesen

(Lihat muka 14)


Dinaikkan ke pangkat Mejar

BANDAR SERI BEGA-
WAN. Kebawah Duli Yang Maha
Mulia Paduka Seri Baginda
Sultan dan Yang Dipertuan
Negara Brunei Darussalam
telah memperkenankan
naik pangkat tiga orang
Kapten dari pasukan Askar
Muda Diraja Brunei ke
pangkat Mejar.

Mereka ialah Kapten
Haji Mohammad,
Kapten Kedua Kapten
Khalid bin Haji Kula dari
Batalion Pertama dan Kapten
Raj Md Jaafar bin Haji
Ibrahim dari Skadron Sem-
bah.

Naik pangkat bagi
mereka bermula pada 5hb Jun
1983.

HARI 1983



Y.A.B. Pemangku Menteri Besar ketika menerima tabik hormat dalam perbarisan berjalan-lalu yang didahului oleh Gabungan Kadet Sekolah AMDB.



PERBARISAN berjalan-lalu oleh Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri iaitu salah sebuah sekolah yang mengambil bahagian pada hari itu.



PERSEMBAHAN adunan seni budaya bangsa oleh gabungan pelajar-pelajar dari Pusat Tingkatan Enam, Gadong, dan Sekolah Menengah Melayu Muda Hashim, Tutung.

TEMA Hari Ibu Bapa tahun ini 'Indung Titih — Guru Dedikasi — Pelajar Gigih — Pendidikan Murni'. Menekankan tiga faktor penting iaitu indung, kaum guru dan para pelajar yang merupakan jentera utama ke arah pencapaian 'pendidikan murni'.

Pendidikan murni dapat diertikan ilmu pendidikan yang dapat menghasilkan atau melahirkan rakyat dan penduduk pada pencapaian daya mental yang cergas, jasmani yang sihat, rohani yang suci, beriman dan berakhlak sempurna.

Perasmian Hari Ibu Bapa pada tahun ini telah disempurnakan oleh Y.A.B. Pemangku Menteri Besar, Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abd. Aziz bertempat di Padang Sekolah Menengah Sultan Mohammad Jamalul Alam di sini pada 5hb. Jun lepas.

Sejurus selepas perasmian, lagu Hari Ibu Bapa dipersempakan oleh murid-murid sekolah yang mengambil bahagian pada hari itu. Setelah itu diadakan perbarisan lalu di hadapan tetamu kehormat oleh murid-murid dari beberapa buah sekolah yang didahului oleh gabungan kadet Askar Melayu Diraja Brunei dengan diiringi oleh pasukan pancaragam dari Sekolah Tinggi Perempuan Raja Isteri.

Antara pertunjukan-pertunjukan yang dipersempakan oleh para pelajar pada hari itu ialah pertandingan pancaragam sekolah, pertunjukan 'Lingkaran Gerak Murni', persembahan 'Adunan Seni Budaya Bangsa' dari gabungan penuntut-penuntut Pusat Tingkatan Enam, Gadong, dan Sekolah Menengah Melayu Muda Hashim, Tutung.

3hb Jun, 1983.

BAPA RASMI

Muhammad Hj Mohamad.
Bar: Ak Bahar PHO.

Pemangku Setiausaha
Kerajaan, Pehin Orang Kaya
Pahlawan Dato Seri
Awang Abd. Rahman.
Inggeris Berakas
menjadi johan
pertandingan tersebut.
acara pada hari itu di-
dengarkan Lagu Kebang-
saan Negeri Brunei oleh koir
Perguruan Sultan
Bolikhah, Gadong.

dan Sekolah Tinggi Perem-
puan Raja Isteri. Dengan
sempurnanya perasmian Hari
Ibu Bapa itu, sekolah-sekolah
di seluruh negeri akan
mengadakan hari tersebut
secara berasingan.

Hadir pada hari itu ialah
Y.A.M. Pengiran Laila
Kanun Diraja Pengiran
Bahrin, Peguam Negara
Brunei, Y.B. Pehin Orang
Kaya Ratna Diraja Dato Seri
Utama Awang Haji Mohd.
Zain, Pengetua Pegawai Hal
Ehwal Ugama Brunei,
pegawai-pegawai kanan Kera-
jaan dan ketua-ketua jabatan.



Y.B. Pemangku Setiausaha Kerajaan Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Awang Abd Rahman menyampaikan hadiah kemenangan kepada Sekolah Inggeris Berakas, johan pertandingan pancaragam antara sekolah-sekolah.



Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohd. Zain menerima cenderamata sempena merasmikan Hari Ibu Bapa



ANGGOTA-ANGGOTA dari persekutuan Pengakap Negeri Brunei ketika mempersembahkan kecekapan mereka di hadapan tetamu kehormat pada hari itu.



BERSENAM beramai-ramai yang dipersembahkan oleh murid-murid dari beberapa buah sekolah rendah di negeri ini.

Perpustakaan Kanak2 DBP sumbang derma

SERAKAS Perpustakaan Kanak-Kanak DBP telah menyumbangkan derma kepada lebih dua puluh orang kanak-kanak cacat di Rumah Kebajikan, Kampung Pulaie di sini baru-baru ini yang telah disampaikan oleh Timbalan Pengarah DBP Dayang Fatimah bte Haji Hussein.

Dalam ucapan di majlis itu, Dayang Fatimah berkata derma tersebut merupakan salah satu kegiatan bahagian Perpustakaan Kanak-kanak DBP pada memberikan khidmat bakti dengan tujuan mendapatkan lagi simpatisme antara ahli-ahli Kelab Perpustakaan dengan kanak-kanak cacat di Rumah Kebajikan itu.

Sebelum majlis penyampaian, ahli-ahli Kelab Perpustakaan Kanak-kanak seramai 100 orang telah membuat persembahan seperti permainan muzik,



nyanyian dan teater bagi menghibur kanak-kanak yang diraikan.

Terdahulu dari itu, Dyg. Zaleha bte Haji Mohaiddin selaku Pmk. Pengarah Kebajikan Belia dan Sukan juga berucap yang antara lain telah menyatakan bahawa sifat 'pemedulian' di kalangan orang-orang kita di Brunei terhadap mereka yang memerlukan

adalah sangat-sangat dikehendaki, dan adalah kena pada tempatnya kanak-kanak ditanamkan dengan semangat demikian.

Hadir sama di majlis itu ialah Penolong Ketua Kebajikan, Pegawai-pegawai Kebajikan Belia dan Sukan dan Pegawai-pegawai Kanan Dewan Bahasa dan Pustaka.

Pertembungan kaum diyakini:

KUATKAN PERPADUAN MASYARAKAT

BANDAR SERI BEGAWAN.

Pertembungan kaum di satu-satu bidang dalam satu organisasi diyakini boleh menyatukan tenaga pada menggambarkan perjuangan

yang tepat dengan aspirasi negara, dan akan menguatkan perpaduan pada membentuk masyarakat yang kukuh.

Pegawai2 Bomba Sarawak melawat

BANDAR SERI BEGAWAN.

Seramai sepuluh orang pegawai dan anggota Pasukan Bomba Negeri Sarawak telah pulang hari ini setelah mengadakan lawatan kira-kira seminggu ke sini sejak 5hb. Jun lepas.

Rombongan tersebut yang diketuai oleh Timbalan Ketua Penguasa Bomba Sarawak, Karnail Singh Khaira menjadi tetamu kepada Pasukan Bomba Brunei.

Selama kunjungan mereka itu, rombongan tersebut telah sempat membuat pertemuan dengan pegawai-pegawai Pasukan Bomba Brunei di mana satu taklimat telah diberikan oleh Timbalan Pengawal Pasukan Bomba, Awang Haji Wahabi di pejabat pasukan tersebut.

Di samping itu mereka juga telah sempat bertukar-tukar fikiran dan pemerhati beberapa kelengkapan dan peralatan Pasukan Bomba Brunei di samping melawat Pusat Latihan Bomba di Muara, Balai Bomba Sungai Lampai dan Pekan Bangar.

Pegawai Daerah Brunei-Muara, Awang Haji Mohammad bin Haji Serudin berkata, dalam tahap sekarang yang semakin mencabar tidak sepatutnya terdapat ruang bagi bangsa Brunei Darussalam serta penduduknya untuk berselisih faham.

"Tidak harus terdapat rasa berpuak yang menyisih diri antara satu sama lain," tegas Awang Haji Mohammad.

Berucap ketika membuka rasmi Pameran Lukisan anjuran Dewan Perniagaan Tiong Hwa yang berlangsung Selasa lalu, 7hb. Jun di Tingkat Empat Bangunan Giok Tee di sini, Awang Haji Mohammad menegaskan betapa bidang seni boleh menyampaikan sesuatu message yang memberi kesedaran dalam mewujudkan kehidupan dan alam sekitar yang baik demi kepentingan negara.

"Dengan demikian jua pelukis-pelukis tentunya tidak terlepas dari merasa bertanggungjawab agar melalui media lukisannya demi keberuntungan alam kehidupan dan tidak bententangan dengan aspirasi negara," jelasnya.

Lebih 200 buah lukisan yang berupa Chinese Paintings dari lebih 100 orang pelukis berbagai negara termasuk Singapura, Malaysia, Hong Kong dan Amerika Syarikat telah dipamerkan sempena ulang tahun ke-36 Dewan Perniagaan Tiong Hwa.

Pameran itu jelas Awang Haji Mohammad merupakan percubaan silaturahmi pelukis Brunei dengan pelukis luar negeri dalam konteks bekerjasama dalam bidang bersesuaian dan berfaedah kepada negara masing-masing.

Dengan kedewasaan usia dewan itu juga diharapkan boleh mempercepatkan hasrat menimbulkan pengesanan saling membantu dan bekerjasama di bidang kegiatan ekonomi terhadap lain-lain kaum di negara ini, terutama bumiputera dengan cara berkualiti dan praktikal, sesuai dengan tema ulang tahun dewan Perniagaan Tiong Hwa 'Perkembangan melalui Kerjasama Ekonomi'.



Undang2 Lesen Rampaian 1978.

(Dari muka 14)

Seseorang pemohon bagi pengeluaran atau pembebasan sesuatu lesen penjaaja hendaklah memberikan pemeriksaan doktor yang mungkin diarahkan oleh Pihak Berkuasa Melesen. Pemohon juga ianya adalah dikehendaki untuk mengadakan dua keping gambar fotonya.

Di bawah syarat-syarat ini lesen boleh diberikan oleh Pihak Berkuasa Melesen pada (A) penjaaja-penjaaja yang berdaftar dan (B) penjaaja-penjaaja bagi tempat-tempat tertentu. Seseorang pemegang lesen penjaaja hendaklah dikehendaki untuk menguruskan sendiri perniagaan itu kecuali ada surat sebab yang bertepatan.

Pemboangan sampah oleh pemegang lesen penjaaja hendaklah dilakukan dalam bekas yang sesuai dan sampah tersebut hendaklah dibuang menurut arahan-arahan seseorang pegawai yang diberi kuasa. Sebarang penjaaja yang berdaftar tidak dibenarkan untuk terus menetapkan di mana-mana bahagian jalan raya, lebuh raya atau tempat awam kecuali bagi maksud penyelesaian jualan atau terus menetapkan lebih lama dari masa yang memadai bagi penyelesaian jualan itu.

Gerai seseorang pemegang lesen penjaaja dan segala perkakas alat dan bekas yang digunakan berkaitan dengan penyimpanan pengangkutan, penjualan atau persediaan bagi penjualan makanan hendaklah dijaga supaya berada dalam keadaan bersih setiap masa dan tidak mempunyai zat yang merosakkan, membahaya atau jijik.

Pengerusi atau mana-mana ahli Lembaga Pihak Berkuasa Melesen atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa di dalam sesebuah kawasan melesen pada bila-bila masa adalah diberi kuasa untuk memasuki sesebuah tempat berlesen dan melakukan

mengotorkan atau disimpan, disediakan atau diperlihatkan untuk dijual olehnya berada dalam keadaan bersih pada setiap masa dan diperlindungi dari dijangkiti oleh debu, kotoran, kutu serangga atau apa jua punca yang lain. Sebarang makanan yang tidak sihat atau tidak layak untuk makanan manusia adalah ditegah daripada disedia atau diperlihatkan dan pemegang lesen penjaaja tidak boleh berdiri atau baring atau membenarkan orang lain untuk berbuat sedemikian di atas mana-mana gerai.

Pengerusi atau mana-mana ahli Lembaga Pihak Berkuasa Melesen atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa di dalam sesebuah kawasan melesen pada bila-bila masa adalah diberi kuasa untuk memasuki sesebuah tempat berlesen dan melakukan

sesuatu pemeriksaan yang dianggap perlu dan menyoal pemegang lesen itu dan pekerja-pekerjanya.

Peraturan 43 mensyaratkan bahawa sesiapa yang melanggar atau gagal memenuhi syarat-syarat dari mana-mana dari peraturan-peraturan ini atau mana-mana penentuan yang dikenakan di bawah peraturan 5 atau menandatangani apa jua permohonan bagi lesen atau membuat atau menyediakan peta atau maklumat bertulis dengan mengetahui yang permohonan peta atau maklumat tersebut mengandungi apa jua perkara yang tidak benar adalah bersalah dengan kuatkuasa Bab-bab 6-7 dari undang-undang 1978 dikenakan, jika thabit kesalahan, hukuman denda yang tidak melebihi \$5,000.

Yang Amat Berhormat

Menteri Besar juga dibolehkan dengan kenyataan dalam Warta Kerajaan dengan Titah berkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan untuk meminda borang-borang yang diperuntukkan dalam peraturan-peraturan ini.

Menurut Peraturan 45 pula, syarat-syarat dari Undang-undang dan peraturan-peraturan ini adalah tidak dikenakan kepada mana-mana tempat perdagangan, perniagaan atau pekerjaan yang ditetapkan dalam perenggan (A) dan (B) dari jadual daripada undang-undang ini jika tempat perdagangan, perniagaan atau pekerjaan tersebut terletak atau dijalankan di dalam mana-mana kawasan Lembaga Bandaran.

Rancangan Rancangan RADIO

WAKTU SIARAN:

Siaran Bahagian Melayu Radio Brunei bermula dari jam 6.00 pagi terus menerus hingga jam 10.30 malam setiap hari.

SIARAN F.M. STEREO

92.3 mHz bagi kawasan Brunei-Muara dan Temburong.

93.8 mHz bagi kawasan Tutong dan Belait.

GELOMBANG SEDERHANA

675 kHz atau 444 meter bagi kawasan Brunei-Muara dan Temburong.

594 kHz atau 505 meter bagi kawasan Tutong dan Belait.

TIAP-TIAP HARI:

PAGI

6.00-6.02 Allah Peliharakan Sultan
6.05 Sinaran Wahyu
6.15 Dendang Suria
6.45 Berita
6.50 Dendang Suria
7.05 Panduan Sukan
8.15 Intisari Rancangan

TENGAH HARI

12.00-12.45 Sajian Tengah Hari (Mempersembahkan lagu-lagu stereo)
12.15 Mutiara Titah
1.00 Majalah Radio siaran asal dan ulangan (kecuali hari Khamis)

PETANG

5.45 Brunei Dalam Sejarah
6.00 Siri Mukaddam
Bingkisan Hari Ini
Siaran langsung menu-
naikan sembahyang
Fardu Maghrib dari
Masjid Omar Ali Sai-
fuddin.

MALAM

10.15 Bacaan Al-Quran
10.24 Doa Restu
10.29 Allah Peliharakan Sultan.

WARTA BERITA

6.45 pagi (Berita dalam bahasa Melayu)
8.00 pagi (Berita dalam bahasa Melayu)
10.00 pagi (Berita dalam bahasa Melayu)
12.45 tengah hari (Berita dalam bahasa Melayu)
1.30 tengah hari (Berita dalam bahasa Melayu)
3.00 petang (Berita dalam bahasa Melayu)
5.30 petang (Berita dalam bahasa Melayu)
8.00 malam (Berita dalam bahasa Melayu)

MENYIARKAN AZAN:

Zuhur, Asar, Magrib dan Isyak.

HARI RABU

15HB JUN

PAGI: 7.15 — Sudut Pelita, 8.30 — Laman Mekar (SU), 9.00 — Dendang Antarabangsa, 9.30 — Pilihan Pendengar, 10.15 — Permintaan Pagi Rabu, 11.15 — Lambatan Dari Awda, 11.30 — Dendang S.M. Salim.

TENGAH HARI: 1.30 — Hiburan Paduan Suara

PETANG: 2.00 — Dunia Wanita (SU), 2.30 — Citra Irama, 3.15 — Hiburan Petang, 3.30 — Titian Budaya (SU), 4.00 — Serbanika Hiburan (SU), 4.30 — Bangsawan Di Udara (Yatim Mustapha Siri 2), 5.00 — Untuk Awda, 5.45 — Senandung Senja.

MALAM: 7.00 — Belia Mewakili Zaman, 7.15 — Selingan Irama, 8.15 — Permintaan Sukaramai, 9.00 — Menyusur Pendalaman (SU), 9.30 — Senandung Budaya, 9.45 — Senandung Malam.

HARI KHAMIS

16HB JUN

PAGI: 8.30 — Pertanian, 9.00 — Dendang Antarabangsa, 9.30 — Pilihan Pendengar, 10.15 — Penglipur Lara, 10.30 — Hiburan Untuk Adik-Adik (SU), 11.00 — Permintaan Sukaramai.

TENGAH HARI: 1.30 — Puspasari/Keroncong.

PETANG: 2.00 — Citrawara (SU), 2.30 — Tetamu Radio (SU), 3.15 — Hiburan Petang, 3.30 — Majalah Agama/Soal Jawab Agama, 4.00 — Irama Gambus Asli, 4.15 — Sandiwara Radio (SU), 4.40 — Senandung Budaya, 5.00 — Untuk Awda (Hidangan Lagu-lagu Dakwah), 5.45 — Lagu-lagu Nasihat.

MALAM: 7.00 — Bacaan Surah Yassin, 7.15 — Selingan Irama, 7.30 — Majalah Radio, 8.30 — Bimbingan Al-Quran, 9.00 — Tafsir Al-Quran, 9.45 — Lagu-lagu Asli.

HARI JUMAAT

17HB JUN

PAGI: 7.30 — Khidmat Radio, 7.50 — Futur Event, 8.25 — Panduan Wanita, 9.00 — Irama Dakwah, 9.30 — Dunia Wanita, 10.15 — Soalan Di Udara, 10.30 — Tafsir Al-Quran, 11.00 — Mutiara Asli, 11.30 — Bimbingan Al-Quran (SU).

TENGAH HARI: 12.00 — Lagu-lagu Dakwah, 12.15 — Bacaan Ayat-ayat Suci Al-Quran, 12.30 — Siaran Langsung Menuaikan Sembahyang Fardu Jumaat, 1.15 — Lagu-lagu Nasihat, 1.45 — Lagu-lagu Instrumental Melayu.

PETANG: 2.00 — Lukisan Masyarakat, 2.30 — Gema Keroncong Puspasari, 3.15 — Panduan Sukan, 3.20 — Hiburan Petang, 3.30 — Pelajaran Dewasa Di Udara, 4.00 — Hiburan, 4.30 — Permintaan Jiran Tetangga, 5.00 — Suntingan Khutbah Jumaat, 5.45 — Hiburan Senja.

MALAM: 7.00 — Cerpen Dan Salukan, 7.30 — Majalah Radio, 8.15 — Hiburan Malam, 8.30 — Pilihan Pendengar, 9.00 — Soal Jawab Agama/Majalah Agama (SU), 9.45 — Mari Berpantun (SU).

HARI SABTU

18HB JUN

PAGI: 8.30 — Pelajaran Dewasa Di Udara (SU), 9.00 — Riang Ria, 9.15 — Soalan Di Udara (SU), 9.30 — Pilihan Pendengar, 10.15 — Varia Peristiwa (SU), 10.30 — Ramapasar, 11.30 — Hiburan Untuk Adik-Adik.

TENGAH HARI: 1.30 — Lagu-lagu Dari Film, 1.45 — Dialog Semasa.

PETANG: 2.00 — Permintaan Hujung Minggu, 3.15 — Hiburan, 3.30 — Cerpen Dan Salukan (SU), 4.00 — Mingguan Pelajar (SU), 4.30 — Mutiara Asli, 5.00 — Intisari Mingguan, 5.15 — Untuk Awda, 5.45 — Kuliah Agama.

MALAM: 7.00 — Surat Dari London, 7.15 — Selingan Irama, 8.15 — Hiburan Malam, 8.30 — Citra Irama (SU), 9.00 — Bangsawan Di Udara (SU), 9.30 — Usaha Jawa, 9.45 — Senandung Malam.

HARI AHAD

19HB JUN

PAGI: 8.20 — Panduan Kesihatan, 9.00 — Laman Mekar, 9.30 — Pilihan Pendengar, 10.15 — Pilihan Juruhebah, 10.30 — Balai.

RADIO PROGRAMME ENGLISH SECTION

EVENING

Wednesday

CLASSICAL MUSIC NIGHT

P.M.

8.00 Classical music night with Rory Higgins
8.30 Hello Tomorrow
9.00 Music Pleasant and Unpleasant by Bernard Shaw Pro. 1.
9.30 Classical Music (continued)

Thursday

P.M.

8.00 International Money Programme.
8.15 Sixty-Minute Theatre "The Killing of Sister George" by Frank Marry.
9.30 Country Club — 45

Fridays/Holidays

A.M.

11.00 Music In the World of Islam
11.15 Break for music
11.30 Children's half hour
12.00 Sweet and Stylish — 10/12

P.M.

12.45 My Music — 253/167
1.15 Book Club: Summer Lighting by P. G. Woodhouse — 14/15
8.00 The World of Books
8.30 Up The Belait River With Gary Martin
9.00 Perspectives
9.30 A Date

Saturday

P.M.

8.00 Hits In Germany.
8.30 Strictly Instrumental
8.45 Just A Minute — 260/261
9.30 Top of The Pops — 967

Sunday

A.M.

11.00 Our View: "The Family Today" — A discussion programme with chairlady Havati Pehin Salleh.
11.30 Practical World
11.45 London This Week
12.00 A Date

P.M.

12.45 Review of the Week
1.00 Top of The Pops — 967 (repeat)
1.30 Close Down.

STUDENT NIGHT

P.M.

8.00 Inter School/College Debating Competition 1983.
8.30 Beautiful Music — 39/48
8.45 BBC Science Magazine
9.30 Drama: "Earthsearch" — A Science Fiction adventure across space and time by James Follet — 6/10.

Monday

P.M.

8.00 Theatre Forty-Five "Rendezvous With..."
8.45 Profile: Eric Clapton
9.30 All That Jazz — 3

Tuesday

POP MUSIC NIGHT

P.M.

8.00 John Lennon 1940-1980 five part tribute to his life and his music.
9.30 Stereo Pop Songs and the Game Show

Daily

A.M.

6.32 Quran and Its meaning
6.40 Brunei's Air
7.00 Local News with and Brunei's History
7.15 Brunei's A.M. (today)
11.00 Ladies At Elms
12.00 Lunch Break — 10 days and Sunday
12.30 News and weather sidelines and History Brunei.

P.M.

8.30 Radio Newstead (Sundays)
9.15 News

DBP AKAN LAKSANA SEB DGN BERPERINGKAT

BANDAR SERI BEGAWAN.

Dewan Bahasa dan Pustaka akan sentiasa melaksanakan langkah-langkah pelaksanaan Sistem Ejaan Baru dengan berhati-hati dan berperingkat-peringkat.

Setakat ini, jabatan itu telah pun menyiapkan nota pengasas berbentuk buku kecil Sistem Ejaan Baru Bahasa Melayu yang mengandungi asas-dasar pokok sistem tersebut.

Hal ini dinyatakan oleh Pemangku Pengarah DBP, Awang Haji Abdul Saman bin Kahar di majlis perjumpaan dengan pegawai-pegawai dan kakitangan kerajaan mengenai Pelaksanaan Sistem Ejaan Baru Di Dewan Kuliah Perguruan Peringatan Chur-hill pada Sabtu lalu.

Pemangku Pengarah DBP menjelaskan, jabatannya telah pun secara bersendirian menyiapkan satu senarai nama guru dan kakitangan jabatan-jabatan kerajaan untuk sesuatu kemungkinan membentuk kumpulan-kumpulan petugas yang akan membantu DBP mengikut turutan yang sihat dan berperaturan bagi melaksanakan kursus lanjut mengenai Sistem Ejaan Baru.

Kursus-kursus peringkat awal itu, tambah beliau, akan diutamakan kepada pengajaran yang bersangkutan dengan pedoman-pedoman yang wajib diketahui terlebih dahulu dalam sistem tersebut.



PEMANGKU Pengarah DBP, Awang Haji Abdul Saman bin Kahar (tiga dari kiri) ketika berucap di majlis perjumpaan Pelaksanaan Sistem Ejaan Baru dengan pegawai-pegawai Kerajaan baru-baru ini.

Menurut Awang Haji Abdul Saman, pada masa ini yang diperlukan ialah mengenal dasar-dasar pokok di samping di sekitar linguistik, istilah dan transliterasi dari bahasa Arab ke Sistem Ejaan Baru itu.

Sesuai dengan langkah

pelaksanaan berperingkat itu, tambahnya kita tidak harus terburu-buru membincangkan ejaan baru bagi nama batang tubuh seseorang atau nama-nama tempat, nama gelaran, nama syarikat dan apa juga nama seperti itu yang pada masa lalu telah dieja mengikut sistem ejaan lama.

Pemangku Pengarah juga menekankan sistem ejaan baru itu melibatkan bahasa Malaysia dan Indonesia, dan ini tidak bermakna kita akan mengubah nama bahasa rasmi negara ini iaitu Bahasa Melayu.

Menyentuh tentang perkataan-perkataan yang berasal dari bahasa Arab, khususnya yang mengandungi huruf 'hamzah' dan 'ain' dalam sistem Ejaan Baru telah dieja dengan menggunakan huruf 'k', 'dh', dan 'dz' dieja dengan 'd' dan 'z', beliau menyatakan bahawa perkara ini dalam jangka panjang dibimbangkan.

lambat laun akan membuat kesamaran yang kronik terhadap istilah keagamaan yang menjadi nadi kehidupan masyarakat di negara ini.

Sejauh ini jelas beliau lagi, kita di Brunei masih berhati-hati pada penggunaannya. Pemangku Pengarah itu mengharap agar kita bersama-sama membuat perancangan yang jauh ke hadapan tentang cara-cara yang memungkinkan semula fungsi istilah keagamaan yang berasal dari bahasa Arab itu supaya dapat dengan apa cara sekalipun mengekalkan bunyi, makna dan ketetapan istilah menurut yang dikehendaki oleh hukum.

